



D.R. 11 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI**

**MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG
DARI KUALA PERLIS DAN KUALA KEDAH KE LANGKAWI**

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Singkatan	iii
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>Latar Belakang</i>	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>Libat Urus dan Pembentangan</i>	
• Libat Urus dan Pembentangan	5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa</i>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	11
<u>BAHAGIAN V</u> <i>Penghargaan</i>	
• Penghargaan	14

LAMPIRAN

Lampiran A : Pembentangan Masalah Gangguan Perkhidmatan Feri Penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi oleh Kementerian Pengangkutan

SINGKATAN

DR	Dewan Rakyat
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
JLM	Jabatan Laut Malaysia
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
MMDC	Malaysian Maritime & Dredging Corporation
PAC	<i>Public Account Committee</i> (Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara)
RORO	<i>Roll-On/Roll-Off ship</i>
SST	Surat Setuju Terima

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi (D.R.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan melalui Penyata Jawatankuasa Pemilih (D.R. 2 Tahun 2024) adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan infrastruktur, pengangkutan dan komunikasi di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensinya;
 - ii. meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan infrastruktur, pengangkutan dan komunikasi di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensinya;
 - iii. menyasiat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan infrastruktur, pengangkutan dan komunikasi di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan Kerajaan dan Tempatan dan Jabatan Perdana Menteri serta agensi-agensinya; atau

- iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan i-iv tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (D.R.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab
Ahli Parlimen Tanjong Manis [Pengerusi]
- ii. Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
Ahli Parlimen Ayer Hitam
- iii. Yang Berhormat Datuk Matbali bin Musah
Ahli Parlimen Sipitang

- iv. Yang Berhormat Tuan Ganabatirau a/l Veraman
Ahli Parlimen Klang
- v. Yang Berhormat Tuan Tan Hong Pin
Ahli Parlimen Bakri
- vi. Yang Berhormat Tuan Ts. Zahir bin Hassan
Ahli Parlimen Wangsa Maju
- vii. Yang Berhormat Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin
Ahli Parlimen Jerantut
- viii. Yang Berhormat Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan
Ahli Parlimen Tasek Gelugor
- ix. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari
Ahli Parlimen Pasir Mas

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi telah melantik *ex-officio* (wakil tetap) dari Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada hari Selasa, 31 Oktober 2023 bagi mendapatkan pandangan daripada Kementerian Pengangkutan dan Ahli-Ahli Parlimen jemputan iaitu Ahli Parlimen Kangar, Ahli Parlimen Langkawi dan Ahli Parlimen Kuala Kedah berkaitan dengan masalah gangguan perkhidmatan feri penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 8 Tahun 2023 pada hari Khamis, 19 Oktober 2023 telah bersetuju untuk membincangkan mengenai masalah ini yang akan dibentangkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa seterusnya.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 9 Tahun 2023 pada hari Selasa, 31 Oktober 2023 telah memanggil Kementerian Pengangkutan bagi mendengar taklimat berkenaan masalah gangguan perkhidmatan feri penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Pembentangan oleh Kementerian Pengangkutan seperti di **Lampiran A**.

BAHAGIAN III

LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN

Ringkasan libat urus dan pembentangan daripada Kementerian Pengangkutan, Ahli Parlimen Kangar, Ahli Parlimen Langkawi, Ahli Parlimen Kuala Kedah berkenaan masalah gangguan perkhidmatan feri penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah Ke Langkawi seperti berikut:

I. PEMBENTANGAN OLEH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

A. LATAR BELAKANG JETI PENUMPANG KUALA PERLIS

1. Jeti Penumpang Kuala Perlis mula dibina pada tahun 1992 dan telah beroperasi mulai September 1993 dengan kapasiti ruang menunggu yang disediakan pada ketika itu adalah seramai 500 orang pada satu-satu masa.
2. Panjang keseluruhan dermaga adalah 160 meter dan kedalaman air di basin dermaga lebih kurang empat meter di bawah *chart datum* (permukaan air) adalah sesuai bagi semua feri yang beroperasi pada ketika ini. Aktiviti pengerukan yang terakhir dilaksanakan adalah pada 15 Mei 2023.
3. Mengikut rekod, butiran perbelanjaan kerja-kerja pengerukan yang pernah dilaksanakan di Jeti Kuala Perlis seperti berikut iaitu :
 - a) RM20 juta pada tahun 2003;
 - b) RM31 juta pada tahun 2006;
 - c) RM9.2 juta pada tahun 2010;
 - d) RM34.7 juta pada tahun 2014;
 - e) RM13.8 juta pada tahun 2018;
 - f) RM26.5 juta pada tahun 2022.

Jumlah kos keseluruhan projek bagi kerja-kerja pengerukan yang dilaksanakan sehingga kini ialah RM135,997,748.95.

4. Selain itu, projek pengerukan terkini telah pun disiapkan oleh Jabatan Laut Malaysia. Kontraktor yang terlibat adalah See Song & Sons Sdn. Bhd. Tarikh Surat Setuju Terima (SST) oleh kontraktor dan tarikh milik tapak ialah 21 Februari 2022. Manakala, tarikh siap projek sebenarnya adalah pada 15 Mei 2023. Kos kontrak projek ini adalah RM26,578,450.00.

5. Projek ini mempunyai kepanjangan 9 kilometer, kedalaman 4 meter *chart datum*, nisbah cerun ialah 1:5 dan alur pelayaran 70 meter.
6. Dari masa ke masa, mendapan selut dan lumpur semakin meningkat dan pengusaha feri hanya melakukan perjalanan ketika air pasang pada kedalaman 1.0 meter. Oleh itu, kekerapan perjalanan feri ini adalah tidak konsisten kerana sangat bergantung kepada keadaan air pasang surut sungai.
7. Selain itu, ruangan menunggu di Terminal Penumpang Feri Kuala Perlis ini perlu dibesarkan bagi menampung kapasiti penumpang sedia ada.
8. Usaha pengerukan perlu dilakukan secara berterusan kerana pasir yang telah dikerukkan akan muncul semula. Pada waktu ini, aktiviti pengerukan perlu dibuat semula setiap empat tahun. Berdasarkan aktiviti pengerukan di Sungai Perlis dan Sungai Kedah yang dibuat pada kali terakhir, kebanyakan objek yang dikerukkan dari kedua-dua sungai ini adalah kelodak, lumpur, sampah dan longgokan pasir.
9. Berdasarkan kepada kajian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), reka bentuk Jeti Kuala Perlis sendiri telah mengganggu kelancaran pergerakan air di sekelilingnya. Kajian mendapati seolah-olah wujudnya lagun berdekatan terminal feri tersebut. Kewujudan lagun ini menyebabkan air yang keluar dari hulu akan berpusar di dalam kawasan tersebut dan menyebabkan mendapan turun dalam ke kawasan terminal feri.
10. Terdapat dua cadangan penyelesaian yang praktikal bagi menyelesaikan masalah mendapan di Jeti Kuala Perlis ini. Pertama, pembinaan ban jajaran bagi melancarkan aliran air Sungai Perlis dengan anggaran kos sebanyak RM173 juta.
11. Keduanya, mewujudkan semula *fleet* kapal korek di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia. Kewujudan *fleet* kapal korek ini akan membolehkan kerja-kerja pengerukan dilakukan sepanjang masa tanpa perlu mendapat peruntukan khusus.

B. LATAR BELAKANG JETI KUALA KEDAH

12. Tiada kajian yang dijalankan oleh pihak agensi kerajaan ataupun JPS bagi Jeti Kuala Kedah.
13. Jeti ini dibina pada tahun 1991 dengan keluasan tanah adalah 4,671 meter persegi, bangunan setingkat dengan keluasan adalah 2,472 meter persegi. Kapasiti jeti ini adalah menyamai dengan di Jeti Kuala Perlis, iaitu 500 orang. Pelabuhan bagi jeti ini juga boleh memuatkan tiga jenis feri bersaiz sederhana pada satu-satu masa.

14. Butiran kerja-kerja pengerukan yang pernah dilaksanakan di Jeti Kuala Kedah seperti berikut iaitu :
- a) Tahun 2003-2004, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM15 juta;
 - b) Tahun 2007-2008, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM22 juta;
 - c) Tahun 2015-2016, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM24 juta; dan
 - d) Tahun 2022, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM14.9 juta.

Jumlah kos keseluruhan projek bagi kerja-kerja pengerukan yang dilaksanakan ialah RM76 juta.

15. Antara masalah yang timbul ialah mendapan di Jeti Kuala Kedah berlaku dengan cepat.
16. Spesifikasi projek pengerukan di jeti ini ialah panjangnya 6 kilometer, kedalaman 4.0 meter *chart datum*, cerun dengan nisbah 1:5 dan lebar dasar atau alur pelayaran iaitu 70 meter.
17. Pada ketika ini, terdapat cadangan bagi projek merobohkan, membina dan menaiktarafkan terminal penumpang, kargo, dan *RORO* Kuala Kedah, Kedah. Projek ini telah diluluskan pada 10 Mac 2017 di dalam RMKe-11. Anggaran kos adalah sebanyak RM243 juta dan tempoh pelaksanaan adalah 36 bulan. Skop projek adalah seperti berikut:-
- a) Merobohkan, membina dan menaiktarafkan bangunan terminal penumpang Kuala Kedah;
 - b) Membina semula bangunan 2 tingkat yang mengandungi pelbagai kemudahan; dan
 - c) Pembaikan dan menaiktarafkan sistem *fender* dan *aerobridge*, utiliti, keselamatan bangunan dan lain-lain.
18. Status terkini bagi cadangan projek ini adalah seperti berikut:-
- a) Iklan tender dikeluarkan pada 6 Jun 2023;
 - b) Tarikh tutup tender pada 20 Julai 2023 dan dilanjutkan sehingga 9 Ogos 2023;
 - c) Penilaian tender pada 11 Ogos 2023 sehingga 22 September 2023;
 - d) Penelitian oleh Lembaga Perolehan Kementerian Pengangkutan pada 10 Oktober 2023;

- e) Permohonan kenaikan kos kepada Kementerian Ekonomi dihantar pada 2 November 2023;
- f) Pelantikan kontraktor dijangka akan dilakukan pada suku tahun pertama 2024.

C. ISU-ISU UTAMA DALAM MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG

19. Antara isu-isu utama termasuk:

- a) Kadar pemendapan yang tinggi di kawasan labuhan Jeti Kuala Kedah dan Kuala Perlis;
- b) Rangka feri sedia ada terlalu besar (1.8 meter hingga 2.4 meter);
- c) Jangka hayat feri-feri sedia ada sudah mencecah 20 tahun ke atas;
- d) Sistem bagasi masih tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan caj levi kepada penumpang.

D. PERANCANGAN MASA HADAPAN

20. Antara cadangan penyelesaian isu ini termasuklah:

- a) Pembinaan ban jajaran bagi melancarkan aliran air Sungai Perlis seperti mana dicadangkan oleh JPS dengan anggaran kos RM173 juta;
- b) Mewujudkan semula *Fleet* Kapal Korek di JLM dan aset yang berkaitan bagi membolehkan kerja-kerja pengerukan dilaksanakan sepanjang masa. Anggaran bagi kos pembangunan ini adalah RM100 juta;
- c) Memindahkan lokasi terminal/jeti penumpang Kuala Perlis ke lokasi yang lebih sesuai dengan anggaran kos RM770 juta;
- d) Menarik lebih ramai pengusaha feri baharu yang berkapasiti lebih kecil iaitu 250 orang penumpang;
- e) Kekerapan perkhidmatan feri boleh dipertingkatkan apabila feri mencapai kelajuan yang ditetapkan (20 knot) dengan sokongan feri bersaiz lebih kecil; dan
- f) Sistem bagasi yang sistematik dan caj levi kepada penumpang dengan mekanisme yang tepat mampu menarik lebih ramai pelancong.

E. PERBINCANGAN DENGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DAN KERAJAAN NEGERI PERLIS

21. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk memindahkan kedua-dua Jeti Penumpang Kuala Perlis dan juga di Kuala Kedah ke Sanglang, Perlis. Kementerian Pengangkutan pernah mengadakan mesyuarat dengan bersama Kerajaan Negeri Perlis dan Kerajaan Negeri Kedah berkenaan isu ini. Cadangan pembinaan jeti yang baharu sangat dialu-alukan namun begitu jeti-jeti yang sedia ada ini mesti dikekalkan.

II. AHLI-AHLI PARLIMEN JEMPUTAN

22. YB Ahli Parlimen Langkawi memaklumkan bahawa:

- a) Masalah feri ini telah berlaku sejak tujuh tahun yang lepas.
- b) Apabila negara telah dilanda wabak COVID-19, pasir-pasir mula berkumpul dengan lebih banyak kerana perkhidmatan feri penumpang pada ketika itu diberhentikan, namun dan para nelayan masih lagi keluar masuk melalui jeti-jeti ini. Kehadiran bot-bot nelayan telah menyebabkan ombak yang membawa pasir berkumpul di jeti atau di dermaga.
- c) Salah satu jalan penyelesaian yang telah pun dibuat oleh pihak berkuasa ketika itu ialah mengorek pasir-pasir berkumpul di kawasan jeti di Kuala Perlis dan di Kuala Kedah.
- d) Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh beliau berkenaan tahap perkhidmatan feri penumpang seperti bilangan perjalanan feri penumpang ketika ini masih terhad dan bergantung pada prestasi pembelian tiket. Selain itu, penambahan bilangan feri penumpang pada saat akhir pula mengurangkan kadar kemasukan pelancong menyebabkan para pelancong menukar tarikh perjalanan atau memilih destinasi yang lain termasuk ke Thailand.
- e) Selain itu, urusan pengendalian bagasi penumpang adalah tidak sistematik semasa proses masuk dan keluar daripada feri menyebabkan laluan di dalam feri sesak dan tidak selesa. Malah, terdapat juga isu kehilangan bagasi dalam feri penumpang ini.
- f) Di samping itu, terdapat juga isu kemudahan tandas yang bermasalah di dalam feri penumpang seperti air melimpah dari sistem perpaipan di dalam tandas feri penumpang. Masalah ini menyebabkan para pelancong asing tidak berminat untuk menggunakan feri penumpang sebagai pengangkutan untuk ke Pulau Langkawi.

- g) Tambahan pula, isu kerosakan feri semasa perjalanan kerap kali berlaku menyebabkan para penumpang terpaksa melalui detik trauma yang berpanjangan. Setiap kali berlakunya kerosakan feri, keadaan panas dan gelap disebabkan ketiadaan bekalan elektrik. Bahkan, tiada pengumuman yang jelas daripada kapten feri tersebut semasa berlakunya kerosakan feri menyebabkan para penumpang terpaksa berpindah feri lain di tengah-tengah laut.
- h) Pertemuan bersama para pemegang taruh dalam hal ini seperti para pengusaha dalam industri pelancongan, mencadangkan agar sistem perkhidmatan feri penumpang pada waktu ini dikembalikan kepada sistem perkhidmatan feri yang terdahulu. Sebagai contoh, bilangan penumpang dikecilkan kepada 200 orang dari 600 orang pada waktu ini agar feri yang bersaiz kecil dapat menghampiri jeti dengan lebih mudah kerana alur selut sekitar jeti tidak akan menyekat feri untuk menghampiri jeti.

23. YB Ahli Parlimen Kuala Kedah memaklumkan bahawa:

- a) Jeti di Kuala Kedah masih mempunyai masalah laluan cetek menyebabkan bot-bot tersebut sangkut.
- b) Beliau juga telah mengajukan persoalan sama ada laluan-laluan tersangkut ini telah diambil tindakan susulan untuk memperdalamkan semula laluan tersebut.
- c) Selain itu, beliau ingin mengetahui jumlah penambahan kos untuk menaik taraf jeti di Kuala Kedah.

24. YB Ahli Parlimen Kangar memaklumkan bahawa:

- a) Isu utama yang perlu diperhalusi adalah dari segi mendapan di kawasan hilir sungai di sekitar Jeti Kuala Perlis merupakan kawasan mendapan dan ianya terletak di lembangan sungai.
- b) Dari segi demografi pula, penduduk kawasan ini terdiri dari pelbagai kaum termasuk masyarakat Burma. Salah satu tabiat buruk yang dimiliki oleh masyarakat di kawasan ini adalah membuang sampah merata-rata sehingga menyebabkan berlakunya mendapan di kawasan jeti ini.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat-Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti berikut:

A. JETI KUALA PERLIS

1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jumlah kos keseluruhan projek bagi kerja-kerja pengerukan yang dilaksanakan di Jeti Kuala Perlis ialah RM135,997,748.95.
2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa di Jeti Kuala Perlis, pemendapan berterusan terjadi kerana kewujudan lagun di jeti tersebut. Pusaran air akan masuk ke dalam dan membawa bersama selut. Selain itu, pemendapan di kawasan itu disebabkan aktiviti pertanian dan sebagainya yang datang dari hulu sungai. Hasil pertanian berpusar di dalam lagun dan menyebabkan pemendapan di kawasan hadapan jeti di Kuala Perlis.
3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa apabila pembinaan struktur ban sungai yang dicadangkan JPS dibina, ia akan mengurangkan kadar mendapan dalam kuantiti banyak di kawasan hadapan Jeti Kuala Perlis.
4. Jawatankuasa mengambil maklum berdasarkan kepada kajian JPS, reka bentuk Jeti Kuala Perlis telah mengganggu kelancaran air di sekelilingnya. Kajian mendapati seolah-olah wujudnya lagun berdekatan terminal feri tersebut. Kewujudan lagun ini menyebabkan air yang keluar daripada sebelah hulu akan berpusar di dalam kawasan tersebut dan menyebabkan mendapan turun dalam kawasan terminal feri.

B. JETI KUALA KEDAH

5. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa jumlah kos keseluruhan projek bagi kerja-kerja pengerukan yang telah dilaksanakan sehingga kini ialah RM76 juta.
6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa masalah yang timbul di kawasan ini ialah mendapan di Jeti Kuala Kedah berlaku dengan agak cepat.
7. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa telah wujud cadangan projek merobohkan, membina dan menaiktarafkan terminal penumpang, kargo, RORO Kuala Kedah, Kedah. Projek ini telah diluluskan pada 10 Mac 2017, dalam RMKe-11 *Rolling Plan 2*.

C. ISU-ISU LAIN

8. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa masalah kedua-dua jeti ini ialah proses pengerukan perlu dibuat setiap masa.
9. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat dua jalan penyelesaian untuk masalah ini. Pertamanya ialah pembinaan ban sungai. Kedua ialah perolehan kapal keruk bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan melalui proses pengerukan secara berkala.
10. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Kerajaan Persekutuan perlu memperoleh kapal-kapal keruk ini. Lembaga Dius Api di bawah Jabatan Laut Malaysia boleh menyelenggarakan kapal-kapal keruk ini.
11. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat dua kaedah penggunaan kapal keruk ini. Pertamanya ialah penggunaan melalui kontrak seperti biasa. Keduanya ialah penggunaan secara konsesi di mana sebagai contoh, pihak Jeti Kuala Kedah dan Kuala Perlis hanya perlu membayar bayaran nominal bagi menggunakan perkhidmatan kapal keruk ini. Namun, pihak luar perlu membayar harga yang lebih tinggi jika mahu menggunakan perkhidmatan kapal keruk ini.
12. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sokongan akan diberikan jika jeti baharu di Sanglang, Perlis dibina dengan inisiatif swasta tanpa melibatkan apa-apa kos dari Kerajaan Persekutuan. Sanglang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kurang terdedah kepada risiko mendapan.
13. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa penggunaan kapal keruk sebenarnya memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi memandangkan banyak komponen yang diperlukan bagi operasi kapal keruk ini.
14. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat teguran berkenaan kebersihan feri, kesesakan perkhidmatan feri dan masalah pengurusan bagasi perlu disalurkan kepada pihak pengusaha feri.
15. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jawatankuasa perlu mengeluarkan surat bagi memohon dipercepatkan peruntukan bagi isu ini.
16. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pihak pengusaha feri memohon subsidi diesel dengan pihak Kementerian Pengangkutan bagi membolehkan mereka mempertingkatkan kualiti kemudahan feri masing-masing.
17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa operasi perkhidmatan feri seperti kekerapan perkhidmatan perjalanan feri dan penjadualan tidak dikawal selia secara langsung oleh Kerajaan.

18. Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan syor-syor yang terkandung dalam Laporan ini:
- a) **Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan JPS bagi membina ban sungai (batas yang bersempadan dengan dataran banjir atau tebing sungai) berdekatan Jeti Kuala Perlis bagi mengatasi masalah mendapan pasir ini seperti yang tertera pada Lukisan Projek, di muka surat 3 dalam Lampiran A.**
 - b) **Jawatankuasa bersetuju dengan pelaksanaan projek menaik taraf terminal dan jeti penumpang, jeti kargo dan kapal *roll-on/roll-off* (RORO) di Jeti Kuala Kedah di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan seperti yang tertera pada Gambar Tapak, di muka surat 9 dalam Lampiran A.**
 - c) **Jawatankuasa bersetuju sokongan diberikan kepada cadangan pembinaan jeti baharu di Sanglang, Perlis dengan inisiatif swasta tanpa melibatkan apa-apa kos dari Kerajaan Persekutuan.**
 - d) **Jawatankuasa bersetuju pihak Kementerian membuat perolehan kapal keruk setelah membuat perbandingan termasuk analisis kos-faedah berbanding secara penyumberluaran (*outsourcing*) dan/atau melalui konsesi.**
 - e) **Jawatankuasa bersetuju agar Jeti Kuala Kedah dan Jeti Kuala Perlis perlu diteruskan operasi kerana ia melibatkan kepentingan pelbagai pihak yang sedia ada.**
 - f) **Jawatankuasa bersetuju agar penggunaan feri-feri yang bersaiz kecil sebagai salah satu alternatif jangka masa pendek bagi meningkatkan kekerapan perkhidmatan perjalanan feri.**
 - g) **Jawatankuasa bersetuju untuk Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan memantau keberkesanan operasi perkhidmatan feri secara menyeluruh.**

BAHAGIAN V

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan masalah gangguan perkhidmatan feri penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi dan juga kepada kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Pengangkutan;
 - iii. Ahli Parlimen Langkawi;
 - iv. Ahli Parlimen Kuala Kedah;
 - v. Ahli Parlimen Kangar.

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.
3. Penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah turut memberi sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan berkenaan masalah ini.

**LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI**

**MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG
DARI KUALA PERLIS DAN KUALA KEDAH KE LANGKAWI**

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan Masalah Gangguan Perkhidmatan Feri Penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi oleh Kementerian Pengangkutan	1



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI
PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.9.2023**

**MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN
FERI PENUMPANG DARI KUALA PERLIS
& KUALA KEDAH KE LANGKAWI**

31 OKTOBER 2023 (SELASA)

www.marine.gov.my

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

MARINE
DEPARTMENT
MALAYSIA

LATAR BELAKANG

JETI PENUMPANG KUALA PERLIS

- Mula dibina pada bulan Oktober 1992 dan mula beroperasi pada bulan September 1993.
- Kapasiti ruang menunggu iaitu 500 orang pada satu-satu masa.
- Panjang keseluruhan dermaga ialah 160 meter.
- Kedalaman air di basin dermaga lebih kurang 4 meter di bawah Chart Datum dan sesuai bagi semua feri yang beroperasi pada ketika ini (selepas pengerukan 15 Mei 2023).

Rekod Projek Pengerukan di K. Perlis

Tahun	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Jangkamasa Projek (Bulan)	Kedalaman (Meter ACD)	Kos Keseluruhan Projek (RM)
2003	10.09.2003	09.03.2004	9	-	20,112,283.85
2006	22.12.2006	24.07.2007	7	4.0	31,500,000.00
2010	23.08.2010	19.03.2011	7	3.0	9,200,000.00
2014	30.05.2014	31.12.2014	7	4.0	34,763,635.10
2018	19.10.2018	18.04.2019	6	2.0	13,843,380.00
2022	21.02.2022	20.2.2023 EOT/CPC 15.5.2023	12	4.0	26,578,450.00
Kos keseluruhan projek bagi tahun kerja-kerja pengerukan yang dilaksanakan (RM)					135,997,748.95

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

3

Maklumat Kerja Pengerukan Terkini

AGENSI PELAKSANA • JABATAN LAUT MALAYSIA	KONTRAKTOR • SEE SONG & SONS SDN BHD	TARIKH SST • 8 FEBRUARI 2022	TARIKH MILIK TAPAK • 21 FEBRUARI 2022
TARIKH SIAP ASAL • 20 FEBRUARI 2023	TARIKH SIAP PROJEK EOT/CPC • 15 MEI 2023	KOS KONTRAK • RM 26, 578, 450.00	


"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

4


SPESIFIKASI PROJEK

Panjang	9.0 km
Kedalaman	4.0 meter CD
Cerun	1:5
Lebar Dasar (alur pelayaran)	70m

LUKISAN PROJEK



KEADAAN DI DEPAN BASIN JETI PENUMPANG



SEBELUM
10 APRIL 2023
1013 AM (0.8m)



SELEPAS
5 MEI 2023
1714 PM (1.0m)

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

7

ISU ISU DI TERMINAL KUALA PERLIS

- Mendapan selut dan lumpur yang semakin meningkat. Operator feri hanya mohon perjalanan/trip ke Lagkawi ketika air mulai pasang pada kedalaman 1.0 meter ke atas.
- Trip feri berpandukan kepada air pasang surut dan ianya tidak tetap pada setiap hari.
- Keperluan melaksanakan pengerukan secara berkala.
- Ruang menunggu Terminal Penumpang Feri perlu di besarkan bagi menampung penumpang/pelancong.
- Kajian pembangunan semula Terminal Penumpang Jeti Kuala Perlis sedang dijalankan oleh North Corridor Implementing Agency (NCIA).

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

8

Punca Pemandapan

- Kelodak atau lumpur dari Sungai Perlis dan Sungai Kedah dan juga sumber semulajadi di kawasan tersebut.
- Lokasi jeti LKIM Kuala Perlis yang kurang sesuai menyumbang kepada kadar pemandapan yang tinggi.

LATAR BELAKANG

JETI PENUMPANG KUALA KEDAH

- Siap dibina pada 1991
- Diatas tanah seluas 4671m²
- Bangunan 1 Tingkat dengan keluasan lantai 2472m²
- Kemudahan disediakan:
 - Ruang Menunggu
 - Kaunter Tiket
 - Tandas
 - Surau
 - Bilik VIP
- Kapasiti terminal 500 orang untuk satu-satu masa.
- Labuhan boleh memuat 3 feri saiz sederhana dalam 1 masa dan hanya 1 buah feri bersaiz besar. (80 m x 12 m)

REKOD KERJA-KERJA Pengerukan DI KUALA KEDAH

PELABUHAN KUALA KEDAH

SKOP/ KETERANGAN PROJEK	Kerja-kerja pengerukan berkala ('maintenance') bagi kawasan lembangan dan alur pelayaran. Kuantiti : 1,173,976 m3	Kerja-kerja pengerukan berkala ('maintenance') bagi kawasan lembangan dan alur pelayaran. Kuantiti : 1,327,670 m3	Kerja-kerja Pengerukan Berkala (4.0m ACD) Bagi Kawasan Lembangan Dan Alur Pelayaran. Kuantiti : 937,000 m3	Kerja-kerja Pengerukan Untuk Keselamatan Pelayaran Bagi Alur Pelayaran Kuala Kedah Kuantiti: 893,527.90m3
KOS KESELURUHAN PROJEK (RM)	15,801,760.17	22,514,191.42	24,855,622.00	14,980,987.81
KADAR KERUKAN (RM/m3)	10.35	13.80	19.10	13.90
JANGKAMASA PROJEK (BULAN)	8	12	9	10
TARIKH MULA	10/09/2003	10/04/2007	9/10/2015	1/12/2021
TARIKH SIAP	09/03/2004	09/02/2008	08/06/2016	30/09/2022
TARIKH SIAP SEBENAR CPC (+EOT)	10/05/2004	08/02/2008	08/06/2016	31/12/2022 (EOT) 26/12/2022 CPC

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

11

Projek Pengerukan Terkini

Nama Projek
KERJA – KERJA Pengerukan Untuk Keselamatan Alur Pelayaran Kuala Kedah

Klien
JABATAN LAUT MALAYSIA

Kontraktor
MAEDCO SDN BHD

No Kontrak
IPL.T.4/2021

Tarikh SST
5 November 2021

Tarikh Mula Projek
1hb Disember 2021

Tarikh Siap Projek
30 September 2022

Tempoh Perlanjutan Masa (EOT)
31 Disember 2022

CPC : 26 Disember 2022


"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

12

SPESIFIKASI PROJEK

Panjang	6.0 km
Kedalaman	4.0 meter CD
Cerun	1:5
Lebar Dasar (alur pelayaran)	70m

LUKISAN PROJEK



CADANGAN PROJEK MEROBOH, MEMBINA & MENAIKTARAF TERMINAL PENUMPANG, KARGO, & RORO KUALA KEDAH, KEDAH

PERKARA	MAKLUMAT PROJEK
Nama Projek Yang Di Pohon	Kerja-kerja Meroboh, Membina Dan Menaiktaraf Jeti Penumpang Dan Keti Kargo Kuala Kedah Bersepadu Mukim Kuala Kedah
Permohonan	RMKe-11 RP2 Diluluskan Pada 10 Mac 2017.
Anggaran Kos	RM 208.9 Juta- Pindaan RM243,067,289.00
Tempoh Laksana	36 Bulan
Skop projek	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Meroboh, Membina Dan Menaiktaraf Bangunan Terminal Penumpang Kuala Kedah <input type="checkbox"/> Membina semula bangunan 2 tingkat yang mengandungi Aras Ketibaan Dan Aras Pelepasan lengkap dengan Ruang Menunggu, Bilik Vip, Kaunter Tiker, Kaunter Bagasi, Autogate And Security Check Space, Ruang Perniagaan, Bilik Pejabat Agensi-Agensi Kerajaan, Sistem Troli, Surau, Tandas serta Escalator Dan Elevator <input type="checkbox"/> Lobi, Pick up Area, Kawasan Kenderaan Pengangkutan Awam, dan Parkir <input type="checkbox"/> Pembaikan dan naiktaraf sistem fender dan Aerobridge, Utiliti, keselamatan bangunan dan lain-lain

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

15

STATUS TERKINI : CADANGAN PROJEK MEROBOH, MEMBINA & MENAIKTARAF TERMINAL PENUMPANG, KARGO, & RORO KUALA KEDAH, KEDAH

Perkara	Tarikh
<u>Iklan tender</u>	6 Jun 2023
<u>Tarikh tutup tender</u>	20 <u>Julai 2023 (Asal)</u> 9 <u>Ogos 2023 (Lanjutan)</u>
<u>Penilaian tender</u>	11 <u>Ogos hingga</u> 22 <u>September 2023</u>
<u>Lembaga Perolehan Kementerian Pengangkutan</u>	10 <u>Oktober 2023</u>
<u>Permohonan kenaikan kos kepada Kementerian Ekonomi</u>	2 <u>November 2023</u>
<u>Permohonan Kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) selaku Pihak Berkuasa Melulus Tender</u>	TBC
<u>Lantikan Kontraktor</u>	<u>Dijangka pada suku tahun pertama 2024 (Tertakluk kepada keputusan MOF)</u>

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

16

GAMBAR TAPAK (SUPERIMPOSE)



ISU PERKHIDMATAN FERI


- Kadar pemendapan yang tinggi di kawasan labuhan Jeti Kuala Kedah & Kuala Perlis.
- Draft feri sedia ada besar (1.8 – 2.4m).
- Tahun bina/umur Feri sedia ada mencecah 20 tahun ke atas
- Sistem bagasi masih tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan caj levi kepada penumpang.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

- Pembinaan ban jajaran bagi melancarkan aliran air Sungai Perlis sepertimana cadangan oleh JPS dengan anggaran kos RM 173 juta.
- Mewujudkan semula Fleet Kapal Korek di JLM berserta dengan aset yang berkaitan bagi membolehkan kerja-kerja pengerukan dilaksanakan sepanjang masa. Anggaran kos pembangunan RM 100 juta.
- Memindahkan lokasi terminal/jeti penumpang Kuala Perlis ke lokasi yang lebih sesuai dengan anggaran kos RM 770 juta.
- Menarik operator feri baru dengan kapasiti feri yang lebih kecil (250 Penumpang)
- Kekerapan trip feri boleh ditingkatkan apabila feri mencapai kelajuan yang ditetapkan (20knot) dengan sokongan feri baru dan lebih kecil.
- Sistem bagasi yang sistematik mampu menarik lebih ramai pelancong dan caj levi kepada penumpang hendaklah dengan mekanisma yang tepat.

"Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas"

19



SEKIAN, TERIMA KASIH



D.R. 11 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI**

**MASALAH GANGGUAN PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG
DARI KUALA PERLIS DAN KUALA KEDAH KE LANGKAWI**

LAPORAN PROSIDING

LAPORAN PROSIDING
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS INFRASTRUKTUR,
PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI MENGENAI MASALAH GANGGUAN
PERKHIDMATAN FERI PENUMPANG DARI KUALA PERLIS DAN KUALA
KEDAH KE LANGKAWI

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI BIL. 9 TAHUN 2023	31 OKTOBER 2023



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN
KOMUNIKASI

MESYUARAT MEMBINCANGKAN TAKLIMAT
MENGENAI MASALAH GANGGUAN
PERKHIDMATAN FERI DARI KUALA KEDAH
DAN KUALA PERLIS KE PULAU LANGKAWI
OLEH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

BIL. 9
SELASA, 31 OKTOBER 2023
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI
BIL. 9 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 31 OKTOBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]
YB. Datuk Matbali bin Musah [Sipitang]
YB. Tuan Ganabatirau a/l Veraman [Klang]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Tan Hong Pin [Bakri]
YB. Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor]
YB. Tuan Haji Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II, Parlimen Malaysia]
Puan Amy Tam Lay Choon [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Rosilawati binti Mohd Hanapi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Mas Liza binti Maslan [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sains, Teknologi dan Pembangunan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Encik Ahmad Khairul Ridhwan bin Mohamed Hanif [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Azim bin Muhammad Amin [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Ahli Parlimen Jemputan

YB. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah [Langkawi]
YB. Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin [Kuala Kedah]
YB. Tuan Zakri bin Hassan [Kangar]

Kementerian Pengangkutan (MOT)

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan [Ketua Setiausaha]

YBrs. Dr. Nor Fuad Abd. Hamid [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]
YBrs. Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor [Setiausaha Bahagian (Maritim)]
YBrs. Tuan Mohd Aidi bin Mohd Hussin [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]
YBrs. Tuan Nordin bin Mohamadin [Pengarah, Jabatan Laut Malaysia]
Encik Yusnan Bin Abdul Rani [Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Laut Malaysia]
Encik Mohd Fazril bin Mohd Zubir [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Maritim)]
Encik Shaiful Naszri bin Abdul Wahid [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen dan
Kabinet)]
Encik Wai Kit Siew [Pegawai Khas KSU]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI BIL. 9 TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 31 OKTOBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.55 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Yusuf bin Abd Wahab **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI. Saya ucapkan terima kasih kepada YB-YB yang dapat hadir. Untuk makluman kepada yang hadir pada hari ini, saya perkenalkan dahululah ya. Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi daripada Parlimen Tanjong Manis. Ahli-ahli yang dapat hadir adalah Yang Berhormat daripada Wangsa Maju, Tuan Zahir; Yang Berhormat daripada Klang, YB Gana – saya susah hendak sebut YB Gana ini, nama dia panjang sangat ya. Dan beberapa – ada satu, dua lagi YB mungkin dapat hadir samalah pada hari ini.

Kita ada menjemput jemputan khas YB daripada Langkawi, Dato' Haji Mohd Suhaimi. YB daripada Kuala Kedah, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr. Ahmad Fakhruddin, ya YB. Juga, YB daripada Kangar, Tuan Zakri bin Hassan. Okey, YB daripada Langkawi, daripada Kuala Kedah dan daripada Kangar adalah YB yang kita jemput sebagai pemerhatilah dalam mesyuarat kita pada kali ini.

Kita juga ada kehadiran rombongan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia yang diketuai oleh Dato' KSU, Dato' Jana Santhiran. Terima kasih Dato' kerana dapat hadir serta dengan rombonganlah. Ramai yang ada di sini daripada maritim, daripada pembangunan, daripada Jabatan Laut, juga daripada Parlimen dan juga pegawai khas ya. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat kita pada hari ini dan juga kepada semua urus setialah di pihak Parlimen yang juga dapat hadir.

Mesyuarat kita hari ini sebenarnya saya beri sedikit pengenalan bagaimana mesyuarat hari ini merumus kepada tajuk yang akan kita bincang, adalah berkenaan dengan masalah gangguan perkhidmatan feri dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke Pulau Langkawi. Taklimat yang akan diberikan oleh Kementerian Pengangkutan

Malaysia. Ia bermula daripada suatu mesyuarat bersama Yang Amat Berhormat Tan Sri Speaker, di mana kita ada mesyuarat khas bersama semua pengerusi jawatankuasa pilihan khas sebelum bajetlah pada 14 Oktober yang lepas.

Jadi, beliau telah membangkitkan isu berkenaan dengan masalah feri di Kuala Kedah dan Kuala Perlis ya. Bukan masalah di Langkawi tetapi perkhidmatan ferilah di Jeti Kuala Kedah dan Jeti Kuala Perlis. Beliau mencadangkan supaya diadakan satu majlis peneranganlah berkenaan dengan isu ini. Jadi, sebab itulah kita bawa isu ini atas cadangan daripada Tan Sri Speaker.

[Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Sipitang mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ha, cukup.

Tuan Pengerusi: Cukup? Terima kasih Sipitang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sipitang pun dapat hadir itu.

Tuan Pengerusi: Okey. Sipitang sebelah – Sipitang sana.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...hadir, suatu yang menggerunkan.

Tuan Pengerusi: Okey, kita mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ayer Hitam, Datuk Seri Wee Ka Siong dan juga daripada Sipitang, Datuk Matbali ya. Terima kasih. Okey.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Jadi, saya cerita sedikit tentang masalah tadi disebabkan oleh arahan secara *verbal* oleh Tan Sri Speaker untuk mengadakan mesyuarat ataupun majlis penerangan kita pada hari ini, khusus kepada perkhidmatan feri di Jeti Kuala Kedah dan juga Jeti Kuala Perlis. Atur cara mesyuarat kita pada hari ini sebenarnya saya hendak mulakan dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen Langkawi untuk memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan isu yang beliau bangkitkan.

■1100

Tetapi nampaknya beliau belum datang lagi, belum sampai lagi. Jadi, mungkin kita boleh terus kepada...

[Yang Berhormat Langkawi mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat]

Alhamdulillah, terima kasih, YB. Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Suhaimi, Ahli Parlimen Langkawi kerana dapat hadir.

Okey, Dato', kita tadi – saya baru nak menceritakan atau menjelaskan atur cara mesyuarat kita pada hari ini. Kita mulakan dengan Yang Berhormat Dato', Ahli Parlimen Langkawi untuk menceritakan sedikit permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan seterusnya kita akan mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan mengenai isu yang dibangkitkan. Selepas itu, kita adakan majlis soal jawablah, Q&A.

Kita mempersilakan semua Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Kangar dan juga Kuala Kedah untuk ikut sertalah dalam mesyuarat kita, dalam sesi soal jawab yang akan – supaya kita hendak memastikan bahawa masalah yang dibangkitkan akan dapat – menyelesaikan atau cuba menyelesaikan masalah yang dibangkitkan. Mungkin penjelasan dan juga penerangan daripada pihak Kementerian Pengangkutan sedikit sebanyak akan memberi penjelasan kepada masalah. Selepas itu, selesai sahaja penerangan dan juga Q&A, jadi kami akan meneruskan agenda mesyuarat kami yang lainlah. Jadi, Yang Berhormat bolehlah meninggalkan majlis dan pihak kementerian juga boleh meninggalkan majlis untuk kami meneruskan mesyuarat yang lain.

Tapi, yang utama pada hari ini, kita ada masa sehingga pukul 1, jadi kita ada banyak masa untuk membincangkan masalah gangguan perkhidmatan feri penumpang daripada Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi pada hari ini. Jadi, gunakan masa dengan sepenuhnya dan kita terbuka. Dalam mesyuarat seperti yang kita buat di mesyuarat-mesyuarat yang lepas, kita terbuka untuk membincang isu-isu yang dibangkitkan.

Di sini, kita tidaklah bertujuan untuk mencari kesalahan sesiapa. *We don't put blame on anybody*, dengan izin. Sebenarnya kita adalah cuba nak mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini supaya cadangan-cadangan kita nanti, sekiranya ada daripada mesyuarat kita pada hari ini, mungkin boleh diambil tindakan oleh pihak kementerian. Di akhirnya nanti, rakyat juga yang mendapat manfaat daripada penyelesaian yang mungkin kita cadangkan. Itu sebenarnya tujuan mesyuarat. Bukan untuk mencari kesalahan sesiapa. Kita cuba hendak menyelesaikan masalah, sekiranya ada, dan mencadangkan kepada pihak kementerian apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak kementerian.

Itu sahaja. Saya nak mulakan mesyuarat hari ini dengan, yang pertama sekali, mempersilakan Yang Berhormat Langkawi untuk membangkitkan permasalahan yang beliau bangkitkan, saya rasa pada 13 Oktoberlah, saya rasa,

pada hari Khamis, Yang Berhormat ya. Betul ya, Dato'? So, silakan Dato'. Dipersilakan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana telah pun berbincang dengan saya untuk memberi peluang kepada saya untuk membentangkan kes saya dalam mesyuarat ini.

Seperti mana yang kita ketahui, pintu masuk atau jalan masuk ke Langkawi adalah melalui udara dan kita juga mempunyai masalah sekarang kerana tak banyak lagi *airline* ataupun kapal terbang yang memasuki Langkawi melalui udara, dan jalan kedua adalah melalui feri dan juga RORO.

Seperti mana yang tuan-tuan tahu, bahawa masalah feri ini bukan sahaja berlaku semasa kita mengambil alih, semasa saya dilantik menjadi MP Langkawi tetapi sebelum ini telah berlaku lebih kurang lima ke tujuh tahun yang lepas dan menjadi bertambah parah apabila kita dilanda COVID-19.

Apabila dilanda COVID-19, pasir-pasir ini, saya seperti mana yang dimaklumkan, bahawa pasir-pasir ini mula berkumpul dengan lebih dahsyat kerana feri pada ketika itu diberhentikan dan nelayan masih lagi keluar masuk dan bot-bot nelayan inilah yang menyebabkan ombak yang membawa pasir itu semuanya bertumpuk di jeti atau di dermaga.

Jadi, dari segi pelancongannya pula, saya difahamkan bahawa lebih 70 peratus *affected to Langkawi in terms of tourism*. Kita melihat perkara ini tidak seperti dulu. Dulu, feri bergerak daripada jam 7 pagi sehingga jam 7 petang dan ia berlaku setiap jam dan setiap hari begitu walaupun hari Ahad ataupun hari Jumaat.

Jadi, bila berlakunya pasir-pasir ini berlonggok di situ, maka salah satu resolusi yang telah pun dibuat ialah mengorek pasir-pasir ini. Digerudi. Digerudi di kawasan jeti di Kuala Perlis dan juga di Kuala Kedah khususnya. Yang hebat sekali adalah di Kuala Kedah.

Saya juga pergi melawat sendiri bagaimana digerudi pasir-pasir tersebut. Mereka tidak menggunakan *sucker* ataupun pam yang dikeluarkan secara hari-hari tetapi mereka menggunakan kapal korek yang – saya pun tak ada gambar nak tunjuk. Korek, angkat, letak atas baj. Baj itu bawa keluar dan saya difahamkan ia letak balik di tengah laut. Maka, pasir ini akan kembali. Saya merasakan bahawa syarikat yang mendapat projek ini adalah *evergreen project*-lah. Maknanya ia akan pergi dan kembali, pergi dan kembali, *never ending project*.

Jadi, dalam hal ini, saya merasakan bahawa kita kena mencari pendekatan yang lain. Pendekatan sama ada – saya pernah juga bersembang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis bahawa kalau disediakan tempat, maka pasir-pasir itu boleh digunakan untuk ditambun ataupun di Kuala Kedah supaya kita adakan *reclamation area* dan akhirnya kita dapat mengadakan projek di situ, ataupun kita memindah jeti kita yang mana *it would be very costly*-lah.

Dalam perbincangan-perbincangan tersebut juga, kita ada juga, yang dikatakan keluar dalam *Utusan Malaysia* tempoh hari, bahawa Jabatan Laut juga membuat kajian. Jadi, saya tidak ada kajian tersebut dan saya pun nak bertanya juga apakah ada kajian tersebut yang dijalankan oleh JLM ataupun badan-badan lain yang dapat kita sama-sama kita bincang bagaimana penyelesaian tersebut akan diadakan.

Semasa COVID-19 juga, seperti mana yang saya katakan tadi, kalau mengikut laporan ini, apabila tidak beroperasi, makna kata *stop, standstill* terus, tempat jeti itu mendapat selut dan tanah dari Pulau Ketam, Kuala Perlis; telah dibawa oleh arus bot nelayan dan terkumpul sekitar kawasan terminal tersebut lalu menyebabkan masalah alur pelayaran cetek itu berlarutan. Jadi, seperti yang saya kata tadilah, bila bot-bot nelayan yang masih keluar semasa PKP itu, dialah yang mengumpul banyak pasir di situ.

Saya juga dimaklumkan bahawa kebiasaannya sekiranya air itu di bawah paras 1.6 meter, maka feri tak akan dapat masuk. Dan cara terminal itu juga diadakan begitu... *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Saya juga *boatman*. Jadi kalau terminalnya begitu, maknanya bot itu akan pergi begitu... *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Kemudian akan pusing dan rapat. *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Tidak seperti mana di jeti Kuah yang dermaganya begitu... *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Jadi, kapal masuk terus *park* di sini, *berth* di sini... *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Dan lagi satu *berth* di sini... *[Sambil menunjukkan gerakan tangan]* Jadi, makna kata dia tak payah pusing lagi dah, dia terus himpit ke dermaga. Itu pun salah satu sebab yang menyebabkan jeti di Kuala Kedah agak sukar untuk berlabuh.

Kemudian, saya terdapat juga beberapa cadangan yang saya bincang tempoh hari dengan Yang Berhormat, ada juga nota-nota yang diberikan kepada saya. Contoh, bilangan perjalanan feri ketika ini juga masih terhad dan bergantung pada prestasi pembelian tiket. Pertambahan feri saat akhir pula mengurangkan kadar kemasukan pelancong kerana telah menukar tarikh perjalanan atau memilih destinasi yang lain termasuk ke Thailand.

Angka ini, statistik ini saya tak dapat bagi kerana saya tidak ada dengan saya sekarang ini tetapi saya telah memohon, berapa banyak pelancong-pelancong yang *divert* daripada Langkawi ke Thailand?

Pengendalian bagasi; kalau tuan-tuan pernah ke Langkawi, penumpang tidak sistematik semasa proses masuk dan keluar daripada feri menyebabkan laluan di dalam feri sesak dan tidak selesa semasa mengambil bagasi mereka bila feri tiba di destinasi. Terdapat juga isu kehilangan bagasi. Tuan-tuan, bila tuan-tuan masuk sahaja dalam feri ke Langkawi, *actually* dia tidak ada kawasan khas dan tidak ada *check-in* yang macam lebih kurang kapal terbang. Jadi, pakat masuk, berebut masuk, letaklah beg merata-rata dan kadang-kadang, beg *luggage* kita ini sama *colour*, sama saiz dan sebagainya. Bila keluar itu, kadang-kadang berlaku silap ambil beg dan sebagainya. Tidak ada sistem, maknanya di dalam bagasi tersebut. Pengendalian bagasi penumpang yang tidak sistematik semasa proses masuk dan keluar – okey.

Fasiliti di dalam feri seperti tandas. Kalau tuan-tuan – saya selalu kalau naik feri, saya tahanlah. Tak ke *toilet*-lah sebab tak tahan, satunya bau dengan kotor dan sebagainya. Kadang-kadang, air melimpah-limpah. Bukan air laut tetapi air yang daripada *piping system* yang dia orang pakai itu, memang kotor. Memang, kalau saya tengok – kalau orang putih masuk, dia keluar itu, dia tak akan pergi dah. Mungkin tak akan naik dah pun feri itu. Sama juga dengan RORO. RORO agak sedikit baik kerana mungkin penumpangnya tak banyak dan kalau RORO pun penumpangnya begitu, saya rasa akan jadi perkara yang sama.

Ada *improvement*. Setakat ini, yang baru-baru ini, RORO daripada Kuala Kedah ke Kuah, ada *improvement* yang saya tengok dari segi *facilities, toilet*. Dan saya melihat, dulu saya pernah komen dalam – semasa saya Senator, saya komen bahawa kereta api kita ini kadang-kadang, waktu itu tidak ada *first class* atau *business class*. Dinaikkan supaya ada *business class* sebab saya tengok orang Malaysia ini, dia sanggup bayar. Feri pun, baru-baru ini, saya jumpa dengan Sani, saya kata buat dua. Satu, *economy class*, satu *business class*. *Upgrade*-kan yang *business class*. Kalau kita tengok kereta api sekarang, nak *booking*, sebulan nak kena *booking*. Saya rasa, feri akan berlaku demikian juga. Adakan *very nice facilities, good toilet* dan sebagainya dalam feri-feri tersebut.

Perkara ini, kalau kita ke negara-negara luar pun, kita tengok, orang kata berkesanlah kalau benda ini cantik dan sebagainya. Saya juga komenlah, memang komen saya ini tak membantu orang kampung. Saya kata kalau boleh, janganlah jual karipap, nasi lemak. Bagi kepada *franchisor* kita, Richiamo-kah. Kalau kita tak suka Starbucks, Coffee Beans, *then we give to our franchisor* yang lebih, orang kata, bersih dan *you know*, terjamin makanan dia. *Facilities* asalnya dalam feri adalah

penghawa dingin. Penghawa dingin ini selalulah, kadang-kadang macam kita duduk dalam spa yang panas, berpeluh dan sebagainya dan kadang-kadang kesian juga tengok *baby* yang ada dalam feri tersebut. Kemudahan penghawa dingin juga sering dilaporkan tidak berfungsi. *Yes, that's what I said just now.*

Kerosakan feri pertengahan perjalanan. Ini berlaku banyak kali dan terpaksa melalui detik trauma yang berpanjangan, cemas. Pihak media pernah menyiarkan pengalaman penumpang yang mengalami situasi tersebut. Keadaan panas dan gelap dalam feri kerana tiada sumber elektrik, tiada pengumuman yang jelas, Kapten pun tak maklum kenapa dan bagaimana perkara ini berlaku. Kelasi kapal dalam keadaan sangat hanyut – yang sedang hanyut kapal tersebut. Pula penumpang terpaksa berpindah feri, di tengah-tengah laut. Bayangkan, di tengah-tengah laut, mereka terpaksa berpindah feri dan semasa diselamatkan, mereka semua dah orang kata, trauma. *That could be the first and the last for them to use ferry ke Langkawi.*

Kemudian, saya juga berjumpa dengan *group tourism, hotel operators* dan sebagainya. Mereka mencadangkan supaya kita kembali – sistem feri kita kembali kepada feri yang lama dulu. Feri lama dulu, maksudnya kecilkan feri tersebut. *Passengers could be less than 200 passengers. Right now what happened*, bila syarikat mengambil alih daripada LADA, feri-feri LADA dulu, dibesarkan daripada 200 menjadi 600 and below. *So, then the hull will be deeper* dan kemungkinan sebab itulah tak dapat masuk ke kawasan-kawasan di Kuala Kedah, contohnya. Saya yakin dan percaya, kalau 600 passengers, kita nak tunggu satu trip 600 passengers ini, saya rasa susah sikitlah. Kalau 200 ke bawah, mungkin passenger akan datang masuk, lebihan itu *the next trip*. Jadi, feri itu akan sentiasa berjalan kerana kekurangan daripada passenger tersebut.

Kalau 600, saya pernah duduk di feri itu. Jadi, *what happened?* Kalau bertolak pukul 8, contohnya 8 pagi, bila tak penuh lagi 600, dia umum ada *technical problem*, akan jalan pukul 8 kerana *duk* tunggu passenger. *So, combine*. Saya pun pernah kena sebab agensi nak *meeting* dengan MB. Maka, saya terpaksa duduk dengan kapten, sebab dia sumbatnya dalam masa dua jam itu supaya cukup. Kemudian, *cut-off point*. Habis 600 masuk, baru *the next ferry* pula pukul 12. Jadi, perkara ini tidak mengikut jadual yang sebenarnya. Sekarang ini pun, nak dapat lima kali satu hari pun susah. Kalau dulu, orang-orang kampung nak pergi hospital, pukul 7 pagi dia naik, pukul 7 petang dia dah sampai balik ke rumah dia. Sekarang tidak. Dia kena duduk di Langkawi, dengan harga hotel, dengan harga *transportation* dia, apa semua. Kos begitu tinggi. Kadang-kadang, kematian satu lagi. Itu pun masalah besar.

Kemudian, feri sekarang ini pula, masalahnya sekarang ini, *habit* orang pelancong-pelancong ini, dia nak bawa *bicycle* dia. Sekarang ini, memang orang sangat suka *cycling*. Tak boleh bawa dengan feri. Sedangkan, kita tengok orang naik *plane*, bawa *surfing board*. *Surfing board* yang dia bawa itu lebih daripada 10 kaki pun ada tetapi masih lagi boleh dibawa atas *plane*. Kita nak naik *bicycle* pun tak boleh. *Folded bicycle* pun tak boleh masuk. Kena naik RORO. Jadi, benda-benda begini *is not tourism-friendly-lah to me*. Dia akan *affect* kepada pelancongan di Langkawi, Yang Berhormat Pengerusi. Selain daripada itu, perkara-perkara teknikal, saya kurang faham sikitlah. Kenapa tak dapat nak diadakan jambatan ataupun terminal yang lain, *kan?*

Saya pernah mendapat makluman bahawa Kerajaan Negeri Kedah juga telah pun berbincang beberapa kawasan yang perlu dinaiktaraf dan perlu dibuat jeti, di mana bagi mereka air di situ berkekalan. Tidak akan – nanti saya serah kepada JPS ataupun pada badan lain yang akan membuat kajian. Cuma, saya yakin dan percaya, perkara-perkara ini perlu juga dibincang dengan nelayan-nelayan kerana mereka ini dah lama. Pengalaman mereka itu melebihi jurutera-jurutera yang ada sekarang ini. Kadang-kadang, bila mereka berjumpa dengan saya itu kan, dimarahnya kepada kerajaan. Kenapa buat di pangkalan ini, tak di pangkalan ini? Jadi, mereka lebih mengetahui dari segi itu. Saya rasa, libat urus dengan orang kampung itu perlu juga diberi perhatian. Yang Berhormat Pengerusi, saya rasa setakat itu – setakat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi. Bukan sahaja berkenaan dengan masalah kecetekan dan sebagainya tetapi juga masalah-masalah perkhidmatan yang lain. Mungkin masalah-masalah lain itu akan dijawab secara berasinganlah oleh pihak kementerian tetapi yang pentingnya, saya rasa berkenaan dengan masalah kecetekan di jeti tersebut. Jadi, kalau dapat dijawab, dijawab. Kalau tak, kita jawab pada waktu lain ataupun mungkin jawapan secara bertulis daripada pihak kementerian. Jadi...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah: Sedikit tambahan, Yang Berhormat. Saya pun hairan juga. Semasa LIMA, saya bercakap banyak dalam Parlimen tetapi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, dia kata, "*Kalau Yang Berhormat berasa...*" – saya bimbang pada ketika itu, takut tak siap feri ini, tak *regular* feri. Tetapi bila LIMA berlaku, *ferry come back to normal*. Dua hari selepas LIMA, mula balik seperti biasa. So, saya rasa alasan ataupun *excuse* yang dibagikan itu kurang meyakinkan.

Tuan Pengerusi: *I think*, kita dapat penjelasan dulu, Yang Berhormat. Okey. Seterusnya, saya mempersilakan pihak Kementerian Pengangkutan untuk memberi

sedikit penjelasan dan mungkin dapat menjawab permasalahan-permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi tadi. Dipersilakan, Dato'.

Dato' Jana Santhiran Muniayan [Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat–Yang Berhormat lain yang hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi, Parlimen Kelima Belas.

Yang Berhormat, kalau dibenarkan Yang Berhormat, saya rasa kementerian akan membuat sedikit penjelasan berhubung – akan merumuskan mengenai perkara yang dibangkitkan tadi. Melalui slaid tadi, pertamanya, saya rasa elok kita sentuh tentang pengerukan. Isunya lebih kepada isu pengerukan dulu. Kita selesaikan isu pengerukan dan bagi isu pengerukan ini – *slide please*.

■1120

Sebelum itu, latar belakang sedikit berhubung dengan Jeti Penumpang Kuala Perlis. Jeti ini mula dibina pada tahun 1992 dan telah beroperasi mulai September 1993 dan kapasiti ruang menunggu yang disediakan pada ketika itu adalah dalam 500 orang pada satu-satu masa. Panjang keseluruhan dermaga adalah 160 meter dan kedalaman air di *basin* dermaga lebih kurang empat meter di bawah *chart datum* dan sesuai bagi semua feri yang beroperasi pada ketika ini. Pengerukan yang terakhir dibuat adalah pada 15 Mei 2023.

Seterusnya, memberikan rekod projek pengerukan di Kuala Perlis daripada 2003 hingga tahun 2022. Tarikh mula, tarikh siapnya nyata dalam slaid yang disediakan. Jangka masa projek, kedalaman yang telah dibuat dan kos yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan daripada tahun 2003 sehingga sekarang berjumlah dalam RM1,336 juta.

Seterusnya, maklumat projek pengerukan terkini yang telah pun disiapkan oleh Jabatan Laut Malaysia. Ada nama kontraktornya; See Song & Sons Sdn. Bhd. Tarikh SST pada 2022, tarikh milik tapak 2022 dan tarikh siap yang sebenarnya adalah pada 15 Mei 2023. Dan kos kontrak adalah RM26.6 juta.

Slaid seterusnya, spesifikasi projek. Panjangnya 8.8 kilometer, kedalaman dalam empat meter CD, cerun dalam 1:5, lebar dasar alur pelayarannya adalah 70 meter.

Seterusnya, menggambarkan lukisan projek di mana pengerukan telah dilakukan. Seterusnya, gambar sebenar keadaan sebelum dan selepas pengerukan dibuat.

Jadi, jelas, Yang Berhormat Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat yang lain, pengerukan memang seriuslah di keadaan tersebut dan ia telah dilakukan – selepas

dilakukan, apakah keadaan sebenarnya? Ini mengenai pengerukan yang dilakukan. Betul kata Yang Berhormat tadi, pengerukan ini adalah satu usaha berterusan sebab yalah, pasir yang dikeruk tadi dia datang balik. Sebab itu pengerukan dibuat hampir dua atau tiga tahun atau empat tahun. Dalam keadaan sekarang ini, setiap empat tahun benda itu dibuat.

Bagi – mungkin – dan bagi tujuan tersebut, satu kajian telah dilakukan. Betul kata Yang Berhormat tadi. Mungkin SUB Maritim boleh jelaskan mengenai kajian yang telah dilakukan tadi.

Tuan Muhamad Fade'li bin Andul Shukor [Setiausaha Bahagian (Maritim), Kementerian Pengangkutan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih juga atas isu-isu yang bangkitkan. *Insyaa-Allah*, kita akan melihat *what is the best* ataupun jalan terbaik untuk kita menyelesaikan masalah tersebut.

Okey. Memang tidak dinafikan, sebelum ini terdapat satu kajian. Yang ini, saya *zoom* kepada Kuala Perlis ya, kepada Kuala Perlis. Memang terdapat satu kajian yang telah dibuat oleh JPS yang siap pada tahun 2022 di mana hasil kajian tersebut, ada beberapa cadangan yang dikemukakan kepada kementerianlah untuk dibuat.

Tetapi, kalau kita melihat lebih dahulu daripada segi geografi *area* kawasan sama ada di Kuala Kedah ataupun di Kuala Perlis, kalau kita tengok sebenarnya di sebelah hulu sungai itu adalah kawasan sawah. Kita dapati adalah kawasan sawah di dua-dua kawasan. Jadi, kita percaya mungkin disebabkan oleh alam sekitar ataupun kejadian *natural event* itu, apabila sawah itu dia nak – sawah itu antara yang mungkin akan *contribute*, akan menyumbang kepada peningkatan kepada mendapan di Kuala Kedah dan juga di Kuala Perlis.

Isu yang kedua yang JPS dapati di Kuala Perlis adalah reka bentuk jeti LKIM. Jeti LKIM itu dibina, kalau berdasarkan kepada pengamatan ataupun kajian JPS, telah mengganggu kelancaran air. Kalau kita tengok, dia seolah-olah ada lagun dekat terminal feri itu. Jadi, bila dia ada lagun, air yang keluar daripada sebelah hulu itu dia akan berpusar di dalam kawasan tersebut dan menyebabkan mendapan itu turun di dalam kawasan terminal feri. Ini yang hasil kajian JPS.

JPS mencadangkan untuk dibina ban tetapi kosnya agak tinggilah. Ada lebih kurang RM170 lebih juta. Dan walaupun ban ini kita bina, kita dapati bahawa pengerukan tetap kena dilaksanakan, tetapi mungkin tidak sekerap ataupun mungkin kos dia tidak akan setinggi seperti mana yang dibentangkan sebentar tadilah. Tetapi memang keperluan itu tetap ada. Cuma dia akan lebih kurang kerap dan juga mungkin kos dia akan lebih rendah.

Berdasarkan kepada *dredging* yang kita buat terakhir itu hari, *unfortunately* kita terpaksa maklumkan, apabila kawasan ini dikeruk, dia adalah lumpur dan sampah, YB. Maaf, saya terlupa nak bawa gambar dia tapi dia dipenuhi dengan lumpur, sampah, jaring, jala, *even* tayar buruk pun ada dekat dalam kawasan bertanda merah itu. Jadi, kita tak tahulah sama ada disiplin orang-orang di sebelah hulu itu yang main campak sampah dalam sungai, *wallahualam*, tapi itu antara *residual* yang dijumpa semasa kerja-kerja pengorekan itu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, di hujung slaid ini nanti kita ada beberapa cadanganlah yang kita rasa kita boleh lihat untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan mungkin juga kita boleh laksanakan untuk jangka masa panjanglah. Jadi, itu yang di Kuala Perlislah.

Yang di Kuala Kedah, untuk makluman, sebenarnya tidak ada sebarang kajian yang dibuat oleh pihak agensi kerajaan ataupun JPS.

Oh, tambahan daripada situ, untuk makluman YB, NCI (Northern Corridor) juga telah melaksanakan kajian dan kita dimaklumkan oleh pihak Kementerian Ekonomi, *insya-Allah*, kajian ini akan siap pada bulan Februari 2024 untuk kawasan Kuala Perlis. Dia mungkin lebih terperinci lagilah termasuk dengan cadangan-cadangan ataupun mungkin ada cadangan untuk mengalihkan lokasi dan sebagainya. Yang ini kita akan tunggu, *insya-Allah*, kalau tak ada aral, bulan Februari 2024 kajian itu siap. Yang ini oleh pihak NCI.

Pada masa yang sama, pada bulan Oktober, kita difahamkan EPU juga telah meluluskan satu kajian lain kepada NCI juga. Yang ini adalah untuk *Perlis Maritime Corridor*. Yang ini adalah termasuk di kawasan Sanglang. Yang ini termasuk dengan kawasan Sanglang tapi kawasan Sanglang ini sebelah Perlis. Kawasan Sanglang sebelah Perlis yang mana kalau kita rasa semua orang pun dah tahu iaitu Sanglang Integrated Jetty yang dicadangkan untuk dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perlis bersama-sama dengan syarikat Mutiara Perlis dengan usahasama kerajaan negeri. Jadi, NCI pun akan buat kajian di kawasan ini, dan kajian ini, kami dimaklumkan, adalah untuk tempoh sembilan bulan dan kalau tak ada aral, dia akan siap pada bulan Julai 2024. Yang ini di Sanglanglah.

Yang di Kuala Perlis tadi, JPS memang dah ada buat kajian, cuma kita belum meneliti *what is the best solution* yang orang kata boleh menyelesaikan masalah *once and for all*-lah maksudnya. Yang itu kita sedang dalam pertimbangan lagi oleh pihak kerajaanlah untuk isu itu.

Di Kuala Kedah pula, untuk makluman, memang akan disambung oleh...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Tak apa, kita sambung terus. Slaid berikutnya.

Tuan Muhamad Fade'li bin Andul Shukor: Okey, untuk Kuala Kedah, seperti mana yang dipaparkan tersebut. Dibina pada tahun 1991, keluasan tanah tak adalah besar mana, 4,671 meter persegi, bangunan hanya setingkat dengan keluasan *build-up* 2,472 meter persegi. Itu kemudahan yang kita sediakan. Kapasiti pun lebih kurang sama dengan di Kuala Perlis, 500 orang. Labuhan juga boleh memuatkan tiga feri jenis sederhana pada satu-satu masa. Kalau feri itu besar, mungkin seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, inilah dia mungkin. Mungkin satu feri sajalah boleh berlabuh.

Next. Ini lebih kurang kerja-kerja pengerukan yang pernah kita laksanakan di Kuala Kedah. So, kalau kita tengok, pada tahun 2003-2004, kita membelanjakan RM15 juta; 2007-2008, kita membelanjakan RM22 juta; 2015-2016, lebih kurang RM24,855,000; dan terakhir pada tahun lepas, kita belanjakan RM14.9 juta, hampir RM15 juta.

So, kalau kita tengok *sequence* dia itu, lebih kurang dalam masa empat tahun, lebih kurang empat atau lima tahun sekali, kerja-kerja *dredging* itu dibuat ya. Jadi mungkin ini antara yang kita dapati masalah yang timbul di kawasan ini kerana mendapan dekat sini kita dapati agak cepat. Jadi, kita mungkin akan datang kita tak boleh nak laksanakan pengorekan menggunakan norma yang kita laksanakan pada ketika ini. Mungkin kita kena kerapkan kerja-kerja pengorekan itu sebelum mendapan itu lebih banyak ataupun sebelum dia mengeras.

■1130

Jadi, ini yang kita tengah – antara cadangan kita di penghujung slaid ini nanti. *Next.* Terakhir yang kita laksanakan adalah kerja-kerja pengerukan untuk keselamatan alur layar di Kuala Kedah iaitu MAEDCO Sdn. Bhd. yang telah siap pada Disember 2022.

Next. Ini yang kita maksud – yang saya cadangkan tadi pada awal tadi. Pertama adalah kelodak dan lumpur daripada Sungai Kedah dan juga – daripada Sungai Kedah dan juga sumber semula jadi di kawasan tersebut. Keduanya adalah lokasi. Saya telah maklumkan tadilah lokasi ataupun reka bentuk sebenarnya yang dibina oleh LKIM tersebut kurang sesuai yang turut menyumbang kepada kadar pemendapan yang agak tinggi di Kuala Perlis.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Ini cadangan menaik taraf terminal dan jeti penumpang. Encik Aidi, SUB Pembangunan, tolong jelaskan.

Tuan Mohd Aidi bin Mohd Hussin [Setiausaha Bahagian (Pembangunan), Kementerian Pengangkutan]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kementerian sebenarnya telah menerima peruntukan sebanyak RM243 juta untuk

pelaksanaan projek menaik taraf terminal dan jeti penumpang, jeti kargo dan RORO di Kuala Kedah. Ini bermaksud jeti sedia ada di Kuala Kedah berkenaan akan dirobohkan dan akan dibina baru bersekali di kawasan jeti berkenaan akan ada tempat *parking* bertingkat dan juga pejabat Jabatan Laut wilayah – Pejabat Laut Kuala Kedah di kawasan yang sama.

Status sekarang adalah kita telah iklankan tender untuk projek berkenaan. Penilaian pun telah dibuat. Pembentangan laporan penilaian kepada Lembaga Perolehan MOT juga telah diadakan. Cuma buat masa sekarang, semua petender yang lulus penilaian dan juga petender yang disyorkan, kos yang dikemukakan melebihi daripada anggaran jabatan. Ini bermaksud kelulusan Lembaga Perolehan adalah tertakluk kepada permohonan kenaikan kos siling yang kita kemukakan kepada Kementerian Ekonomi – tertakluk kepada kelulusan Kementerian Ekonomi untuk kenaikan kos siling. Proses seterusnya adalah untuk memuktamadkan pelantikan petender yang berjaya ke MOF, Yang Berhormat Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lagi? Ada lagi Dato'?

Dato' Jana Santhiran Muniyan: So, dalam konteks ini Yang Berhormat, kami sedar projek ini telah diluluskan pada 2017. Tapi terdapat beberapa siri perkara yang telah berlaku yang menyebabkan projek itu tak dapat nak *take off* sehingga sekarang. Tapi Yang Berhormat, kami tengah di peringkat akhir. Lembaga pun dah lulus, cuma berlaku kenaikan kos dalam RM25 juta, di mana kos perunding tidak diambil kira pada ketika itu. Sekarang ini kita telah dalam proses untuk diangkat ke Kementerian Ekonomi. Kami rasakan dalam sebaik sahaja mereka memberikan kelulusan, maka *award* akan dibuat dengan kadar segera. Itu memang berlaku sedikit kelewatan, Yang Berhormat.

Seterusnya, ini merupakan gambar latar. *Layout* dia macam mana yang akan dibuat. Saya rasa dah dibentang kepada Yang Berhormat Langkawi. YB dah sedia maklum, YB? Ini merupakan *layout* yang telah dibuat. Betul Aidi?

Tuan Mohd Aidi bin Mohd Hussin: Betul. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Dato'-Dato', pelaksanaan projek adalah berdasarkan kepada konsep ataupun *design* yang seperti yang tertera di dalam slaid. Tender terbuka yang telah dibuat tempoh hari juga adalah berdasarkan kepada *specs* yang telah ditentukan.

Dr. Ahmad Fakhrudin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah]: Datuk Pengerusi, boleh tanya terus?

Tuan Pengerusi: Dah habis kan... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *Okay, next.* Satu lagi. Kita pergi *next.* Yang ini kita pergi dulu. Okey YB. Ini Kuala Perlis. Yang ini di Kuala Perlis, inilah yang saya cakap tadi cadangan yang dikeluarkan oleh JPS. Kalau kita tengok

gambar rajah dekat atas itu, gambar di atas itu, yang warna *pink* ataupun warna merah itu, itulah ban yang dicadangkan untuk melancarkan aliran air. Tapi kalau YB tengok dekat atas, gambar atas itu, itu masalah reka bentuk kalau kita tengok LKIM di bawah itu. Jadi, bila ada LKIM – di sebelah kanan gambar yang ke bawah itu, kita tengok ada LKIM. Itu air yang turun daripada sebelah kanan untuk ke laut di sebelah kiri itu, dia akan berpusar dekat lagun itu. Itu yang menyebabkan kadar mendapan dekat sini agak tinggi dan cepat. Ini punca dia yang di Kuala Perlis. Di Kuala Kedah dia tak semacam ini. Cuma puncanya mungkin kita rasa datang daripada sawah padi yang berada di sebelah hulu.

Okey. Kita balik kepada slaid yang sebelum ini. Ini adalah antara yang kita dapatiliah untuk mengatasi masalah mendapan dulu, YB. Okey, pertama seperti mana yang dicadangkan oleh JPS adalah pembinaan ban jajaran bagi melancarkan aliran air Sungai Perlis. Tapi dengan anggaran kos sebanyak RM173 juta. Kalau kita tambah dalam RM100 juta, kita boleh bina terminal feri baru seperti mana di Kuala Kedah.

Keduanya, mewujudkan semula *fleet* kapal korek di JLM. Pada satu ketika dulu, sebelum kerajaan memberi konsesi kepada MMDC, memang JLM ada *fleet* kapal korek mereka sendiri. Ini yang kita sedang berbincangkan. Saya juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah di dalam Lembaga Dius Api. Kita juga sedang meneliti perkara ini. Mungkin kalau dipersetujui oleh kerajaan, mungkin ini adalah salah satu *approach* yang kita boleh buat. Maksudnya, mewujudkan semula *fleet* kapal korek oleh JLM dan aset ini kita boleh gunakan sepanjang masa tanpa kita perlu mendapatkan peruntukan-peruntukan. Kita tahulah kalau peruntukan kerajaan bukannya kita minta hari ini, esok kita boleh dapat. Kita kena tunggu pembentangan belanjawan ataupun kena lihat kalau ada penjimatan dalaman. Dengan memiliki *fleet* kapal korek sendiri, JLM mungkin boleh melaksanakan *at any time, at any place* dan pada yang sama, JLM juga memiliki beberapa lagi jeti-jeti lain; di Muar, di Rompin, di Tioman dan sebagainya. Jadi, *fleet* ini boleh digunakan di mana-mana jeti di bawah JLM.

Seterusnya, terdapat juga cadangan untuk memindahkan lokasi terminal penumpang, Jeti Penumpang Kuala Perlis dan juga di Kuala Kedah sebenarnya sebelum ini. Di Kuala Perlis, dicadangkan dipindahkan ke Sanglang. Di Kedah pun dicadangkan dipindah di Sanglang. Tetapi hari ini saya kena berterus terang. Pada penghujung tahun lepas, kalau tak silap saya kami pernah buat mesyuarat dengan kedua-dua Kerajaan Negeri Perlis dan juga Kedah. Mereka mengalu-alukan cadangan pembinaan terminal baru tetapi mereka *insist* yang terminal sedia ini mesti dikekalkan.

Jadi, kita lihat kalau benda ini dilaksanakan, dia aspek koslah. *Operational cost itu*. Dan juga di Kuala Perlis, dia tetap akan bermasalah dengan mendapan. Di Kuala Kedah, dia juga akan berlaku masalah yang sama, *then subsequently* dia akan minta balik peruntukan daripada *Federal* untuk buat pengerukan. Kalau kita pindah pun, dia kata boleh tapi Kuala Kedah tetap kekalkan, Kuala Perlis tetap kekalkan.

Ini dilema yang kita dapati. Saya rasa kalau sayalah, saya rasa mungkin penyediaan *fleet* itu adalah jalan yang terbaik. Kalau kita tengok di Pelabuhan Amsterdam pun, boleh dikatakan hampir setiap minggu kerja-kerja pengerukan kena dijalankan disebabkan oleh *natural* – keadaan alam semula jadi di kawasan tersebut. Kalau kita tengok Port of Amsterdam sendiri pun dia orang *dredge*. Ini antara yang kita sedang telitilah. Untuk jangka masa pendek, sebenarnya perkara ini saya pun dah bawa ke pengetahuan Lembaga Dius Api untuk kita mengatasi *immediate* mungkin dalam tempoh terdekat sekiranya diizinkan. Untuk Kuala Perlis, mungkin kita akan cuba menggunakan dana di bawah Lembaga Dius Api untuk membantu sementara kita boleh *decide way forward* di peringkat kerajaan nanti untuk isu pengerukan, YB. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Taklimat dah habis ya? Okey ya? Okey. Kita pergi kepada isu utama dulu, Dato' ya. Untuk ahli majlis semua, ahli-ahli mesyuarat semua. Kita pergi ke isu utama berkenaan dengan pengerukan (*dredging*). Lepas itu kita pergi kepada isu-isu yang dibangkitkan dari segi perkhidmatan dan sebagainya. Tapi masalah sekarang ini, masalah utama adalah pengerukan dan pengorekan ataupun mendapan yang terjadi di Kuala Perlis dan juga di Jeti Kuala Kedah. Cadangan telah dibawa ataupun telah dibangkitkan oleh pihak kementerian. Memang ada masalah, memang ada kajian dibuat oleh JPS dan juga mungkin ada cadangan untuk Jeti Kuala Kedah menunggu kelulusan daripada Kementerian Ekonomi. Mungkin juga cadangan untuk mewujudkan semula *fleet dredging* itu, kapal korek di Jabatan Laut Malaysia. Itu mungkin penyelesaian yang bagus juga.

■1140

Tapi itulah cadangan yang telah dibuat dan telah diambil tindakan oleh pihak kementerian. So, sekarang ini saya buka kepada Yang Berhormat untuk bertanya soalan tambahanlah. Bertanya soalan dan mungkin memberi cadangan berkenaan dengan apa yang telah diterangkan oleh pihak kementerian tadi. Semualah Yang Berhormat dipersilakan untuk memberi cadangan dan bertanya lanjut. Dipersilakan, Yang Berhormat. Okey, bagi dia dulu.

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhurrazi: Kuala Kedah.

Tuan Pengerusi: Okey, Kuala Kedah. Terima kasih.

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruzazi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat selaku pengerusi portfolio yang telah pun menjemput Kuala Kedah, Langkawi dan Kangar untuk hadir bersama-sama membincangkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan pengangkutan di kawasan Parlimen yang melibatkan tiga Parlimen ini.

Soalan saya berhubung dengan pengangkutan di Kuala Kedah. Tadi, kita telah pun dibentangkan tentang selesainya pengangkutan pada Disember 2022. Pengalaman di Kuala Kedah masih terdapat laluan-laluan yang telah pun cetek dan kita telah pun mendapat tahu bahawa ada sesetengah tempat yang menjadi laluan bot-bot tersebut masih lagi sangkut.

Jadi, apakah laluan-laluan yang tersangkut ini telah pun ditanda ataupun ada siasatan susulan cara-cara untuk memperdalamkan semula laluan tersebut? Sebab seingat saya dalam bulan tiga ataupun bulan empat hari itu ini sangkut. Saya pun ke Langkawi, cuma saya awal dua hari, dua hari selepas itu sangkut juga. Jadi, ertinya dalam tempoh tahun ini dah dua kali sangkut feri.

Tuan Pengerusi: Feri ya? Feri sangkutlah.

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruzazi: Feri sangkut. Jadi, itulah saya hendak tahu langkah-langkah yang telah pun dibuat oleh pihak kementerian untuk nak memperdalamkan semula laluan tersebut. Itu yang pertama.

Kemudian yang keduanya tadi ialah berhubung dengan penambahan kos untuk menaik taraf jeti di Kuala Kedah. Saya mengalu-alukan pihak kementerian untuk menaik taraf dan rakyat di Kuala Kedah memang tertunggu-tunggulah pembinaan jeti tersebut. Cuma tadi ini dilihat bahawa ada cadangan struktur, *plan* yang telah pun dibentangkan kepada kita. Cuma *plan* ini telah pun dimuktamadkan ataupun masih lagi akan ada pindaan-pindaan memandangkan kos-kos pembinaan itu dia sentiasa meningkat. Kalau ada pertambahan ataupun pelan baru yang mungkin akan meningkatkan lagi kos, akhirnya dia jadi ceritalah. Dia tidak sampai untuk membina jeti tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada – apakah *plan* untuk Kuala Kedah ini adalah yang terkini, *latest* ataupun...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Yang terkini, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang *latest* ya.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Ya, Yang Berhormat. Cuma kos tadi disebabkan oleh kos perunding ia dalam RM20 juta tadi.

Tuan Pengerusi: Okey ya. Soalan pertama tentang pengorekan, ada *certain* seksyen itu mungkin tidak dikorek sepenuhnya. *Maybe* boleh jelaskan.

Tuan Nordin bin Mohamadin [Pengarah, Jabatan Laut Malaysia]: Terima kasih YB Pengerusi. Terima kasih Kuala Kedah atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman kawasan yang *high spots*, dengan izin, yang tinggi sikit daripada *design depths* itu telah pun dikorek, didalamkan mengikut *design* sebelum kontraktor dibenarkan keluar daripada *site*.

Ada satu kes feri sangkut itu sebab feri itu terkeluar daripada alur yang kita korek. Itu jawapan untuk soalan tersebut, YB Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kalau terkeluar daripada alur, *confirm*-lah sangkut ya Datuk ya.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ada pertanyaan lagi? Silakan ini, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi pengerusi majlis, MP Tanjong Manis, KSU dan semua ketua-ketua yang terlibat. Yang ini saya pun nak sembang sikitlah tentang Kuala Perlis ini walaupun dari segi teknikal ini tidak pandailah. Saya bukan orang yang terlibat dari segi teknikal. Kalau *duk* tengok pelan ini pun pening jugalah *kan*.

Cuma Kuala Perlis ini dari segi sejarah dia. Sejarah memang pelabuhan yang lama dah, dulu-dulu lagi *kan*. Saya ingat zaman-zaman *hat* tahun abad ke-19, abad ke-18 dah ada dah sebab ada hubungan antara Kuala Perlis dengan Satun dan sebagainya. Jadi memang Kuala Perlis ini dah awal lagi. Kita nampak memang berlaku perkembanganlah. Kita tengok kalau dulu jetinya agak kecil sekarang ini ada jeti yang lebih besar, lebih cantik dan sebagainya.

Tetapi isu yang ditimbulkan adalah dari segi mendapanlah. Memanglah kalau kita tengok dari segi geografi, kawasan hilir sungai ini memanglah kawasan mendapan. Dia anggap sebagai kawasan lembangan sungai. Jadi memang isu.

Untuk Kuala Perlis ini kalau kita lihat dari segi demografi pula, penduduk dia, dia macam-macam. Ada yang masyarakat itu Burma *kan*. Lagi satu masyarakat tempatan pun masyarakat kuala. Masyarakat kuala ini dia – orang kuala ini, dia lain. [Ketawa] Tabiat, tabiatlah dia lain sikit dengan orang di kawasan sebelah darat. Dia lain sikit. Jadi mungkin apa yang disebutkan tadi sampah-sampah, jala memang tidak dinafikanlah, memang itu berlaku. [Disampuk] Apa dia? Ah, semua ada. [Ketawa]

Jadi, terima kasihlah kalau kita tengok dari segi cadangan-cadangan yang dibuat ini. Cadangan ban ini saya tidak pasti ini *plan* ini *plan* Kuala Perliskah, Kuala Kedah ini?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kuala Perlis.

Tuan Zakri bin Hassan: Kuala Perlis *na*. Saya tengok ini macam mana, sebelah sini *kut*. Saya tengok terbalik *kut*. Saya rasa mungkin dekat Api-Api. Kalau tengok ban ini mungkin di kawasan kedai makan Api-Api yang warna merah ini. Dia asal dekat Bukit Kubu itu. Mula daripada situ atau mana? Saya tidak pasti sebab ini teknikal *kan*.

Tuan Pengerusi: Mungkin boleh jelaskan sedikit berkenaan dengan *plan* di atas dengan gambar di bawah.

Tuan Zakri bin Hassan: Saya tengok secara terbaliklah ini.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hulu dekat sebelah kanan, laut di sebelah kiri.

Tuan Zakri bin Hassan: Oh, laut sebelah kiri. Hulu sebelah kanan. Restoran Api-Api itu dekat mana? *[Ketawa]* Sebab tengok ban itu nampak panjang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia nak bawa *pi* itu.

Tuan Zakri bin Hassan: Kena *pi* pulau pula lepas ini.

Tuan Pengerusi: Urus setia boleh *connect* ke Google sekejap? Kita ada teknologi, kita gunakanlah teknologi. Google sekejap. Mungkin guna *your mouse* tunjuk dekat mana Restoran Api-Api ini. YB hendak belanjakah kita, kita hendak makan situ?

Tuan Zakri bin Hassan: Boleh. Sebab Api-Api ini tepi sungai, dia kedudukan cantik di sebelah Bukit Kubu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Zakri bin Hassan: Oh, itu ke dalam lagi. Maksudnya, dia ke depan, dekat jambatan itu. Itu hujung sekali.

Tuan Pengerusi: Itu Api-Api ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Zakri bin Hassan: Okey, *[Tidak jelas]* ...merah itu hujung.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey, dia sampai maksudnya ban itu di kawasan jambatan itu, jambatan.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Selepas jambatan.

Tuan Zakri bin Hassan: Selepas jambatan.

Tuan Pengerusi: Ban itu di seberang *ferry terminal* sahaja, seberang sungai.

Tuan Zakri bin Hassan: Selepas jambatan, okey.

Tuan Pengerusi: Seberang LKIM. *Go down, go down, downstream, downstream* lagi.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey, lagi.

Tuan Pengerusi: Saya ini bukan orang Kangar, bukan orang Perlis pun saya tahu.

Tuan Zakri bin Hassan: Saya pun bukan orang Kuala Perlis. Saya orang Bintong. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Saya pernah pergi situ YB, sebab itu saya hendak beritahu. Saya pernah pergi ke jeti LKIM itu, saya tahu.

Tuan Zakri bin Hassan: Tapi saya hendak tengok juga sebab Kuala Perlis ini dalam kawasan Kangar. Okey.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya bakal orang Sipitang.

Tuan Pengerusi: Wah.

Tuan Zakri bin Hassan: Orang Sipitang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bakal orang Sipitang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Belum kahwin ya?

Tuan Zakri bin Hassan: Itulah kalau kita tengok dari segi demografi penduduk itu memang kawasan – kawasan dia memang sesak, memang kalau sebut mendapan-mendapan itu – okey, itu jambatan dia. Ini tempat kawasan kami buat itu apa. Kuala Perlis ini akan naik jadi satu kawasan, apa dia panggil – apa dia panggil, lupa dah.

Tuan Pengerusi: Mana? *Downstream* ini lagi.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey itu.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ban itu dicadang dekat sinilah.

Tuan Zakri bin Hassan: Oh, depan lagi itu.

Tuan Pengerusi: Seberang, dekat seberang.

Tuan Zakri bin Hassan: Seberang, seberang itu.

■1150

Tuan Pengerusi: Naik, naikkan sikit sebab terminal tak nampak sangat. Naik, naik – bukan, turun sikit. Sikit lagi, sikit lagi. Nampak terminal dia.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey, okey.

Tuan Pengerusi: *Push, push up* sikit. Ha, itu dia atau *zoom out* sikit. Sikit lagi.

Tuan Zakri bin Hassan: Jadi, cadangan untuk ban itu...

Tuan Pengerusi: *Push, push* ke bawah sikit.

Tuan Zakri bin Hassan: ..akan di...

Tuan Pengerusi: Bukan, bukan. Ke bawah, ke bawah, gambar itu ke bawah sikit.

Tuan Zakri bin Hassan: Akan diteruskan atau macam mana? Atau di-*hold* dulu?

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu antara cadangan...

Tuan Zakri bin Hassan: Cadangan daripada JPS, *kan?*

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Kita akan meneliti kerana ia melibatkan kos yang agak tinggi. Fasal kalau bagi saya, objektif dia adalah untuk menyelesaikan isu mendapan.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Kalaulah kita kaji esok penyediaan *fleet* oleh JLM itu lebih *viable* ataupun orang kata lebih *economical* untuk jangka masa panjang, *then might as well* kita pergi kepada *fleet*.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Tapi kalau kita – fasal apa yang kita bimbang adalah – air memang akan laju tapi mendapan tetap akan berlaku, cuma kekerapan itu sahaja tidak akan inilah. Itu adalah cadangan yang sedang kami telitilah bersama dengan Bahagian Pembangunan. Tetapi untuk jangka masa pendek – fasal kalau kita nak bina ban pun ia tentu memakan masalah. Kalau kita nak menyediakan *fleet* di bawah JLM pun ia pun akan mengambil masa kecuali kita – di peringkat kementerian bersetuju untuk beli *fleet* yang *secondhand* ataupun beli *dredger* yang *secondhand*.

Kalau nak bina satu *dredger* lain mungkin mengambil masa dalam masa tiga tahun. JLM juga berpandangan bahawa kalau kita nak bina pun, kita tak boleh ada *hull* yang macam YB cakaplah. Fasal dekat sini kawasannya agak landai. Jadi, kita punya *dredger* itu mesti orang kata dia nipis. Ia macam *barge*, ia tidak boleh ada *hull*. Kalau tidak, memang ia akan tersangkut. Jadi, perlu dibinalah; perlu dibina baharu dan akan mengambil masa mungkin dalam tiga tahun. Untuk tempoh sementara itu yang kita telah tengok, apakah jalan jangka pendek yang kita boleh bantu. Itu yang mungkin yang kita nampak adalah kadar *dredging* yang lebih kerap, sebelum *siltation* itu jadi lebih tinggi, *volume*-nya lebih banyak, yang mana kos akan jadi lagi tinggi ataupun sebelum mendapan di bawah itu mengeras. Itu yang kita sedang telitilah untuk kita perhalusi dan *insya-Allah*, kita akan cuba dapatkan juga *what is the best solution for this issue*.

Tuan Zakri bin Hassan: Okey, yang itu saya ucapkan terima kasihlah sebab dari segi teknikal saya serah kepada tuan-tuanlah. *[Ketawa]* Dari segi teknikal. Cuma dari segi yang lain, Kuala Perlis ini memang dah jadi kawasan pelancongan, memang ramailah. Banyak guna Kuala Perlis berbanding dengan Kuala Kedah. Kuala Perlis ini banyak – minta maafah Kuala Kedah.

[Ketawa].

Tuan Pengerusi: Jangan berlawan. Jangan gaduh, jangan gaduh.

Tuan Zakri bin Hassan: Tapi – jangan lawan, jangan lawan.

Tuan Pengerusi: Kita nak cari penyelesaian.

Tuan Zakri bin Hassan: Tapi jeti pun kita tengok kalau boleh macam Langkawi sebut tadi, memang dari segi prasarana itu kena tengoklah sebab dari segi— baru-baru ini pun bincang sebab tandas. Tandas pun ia tak *upgrade*, *duk* bawah lagi *kan?* Kalau pelancong asing datang pun nampak malas nak masuklah. Itu isu. Kuala Perlis ini macam-macam lah isu. Lagi satu kalau diberi kesempatan juga, saya nak sebut sikit tentang *parking* itu. Kalau *parking* itu di bawah Kementerian Pengangkutan ya?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* PBT. PBT.

Tuan Zakri bin Hassan: Ya, kalau *parking* itu di jeti macam mana? *Parking* itu dalam – contoh, *parking* bertingkat dan sebagainya. Itu *under* siapa ya?

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...kena semak dulu YB kerana apa yang kita dapati tanah milik PTP hanyalah setakat jeti.

Tuan Zakri bin Hassan: Ya, ya.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Jeti itu sahaja adalah tanah PTP. Jadi, *anything outside* tanah PTP itu adalah kita kena semaklah, tanah itu milik siapa.

Tuan Pengerusi: PBT barangkali...

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *Individual*-kah, PBT-kah atau mungkin di bawah kerajaan negeri sendiri. Jadi, pemilik inilah yang sepatutnya yang akan binalah ataupun kalau pemilik bersetuju untuk memajak atau menyerahkan tanah itu kepada MOT, *then* mungkin kita boleh meneliti daripada sudut yang tersebut.

Tuan Zakri bin Hassan: Ya, ya, okey. Itu kita akan bincang kemudian. Jadi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, YB Kangar.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Silakan, Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Pengerusi, saya ada beberapa pandangan.

Pertama, saya rasa kedudukan, lokasi kedua-dua jeti ini daripada hari ianya dibina sehingga hari ini, hakikatnya yang kita kena terima, *the wrong site*, tempat dia tidak kena. Sebab dia adalah kawasan yang terdedah kepada sedimentasi, *this one*. Kalau kita lihat dari segi pola daripada perbelanjaan yang kita gunakan, dulu mungkin lima tahun, kemudian empat tahun. Sekarang ia bukan empat tahun. Empat tahun terus *jam*. Maksudnya, pada tahun kedua, ketiga sudah ada masalah. So, kita *drag* lagi cari peruntukan, tahun keempat kita selesai.

So, masalah dia ialah *maintenance*. So, saya pernah berdepan dengan situasi ini. Saya pernah pergi ke jeti ini, saya tengok. *Solution* kita tentang perkara ini. Pertama, *we have to make a decision*. Sekiranya kita berdepan dengan masih lagi nak *maintain*, tetap *maintenance* tidak boleh dielakkan. *The dredging, the amount*, cara alur pelayaran itu *you* kena buka sebab ia punya secara semula jadi, *hydraulic characteristics* dah macam itu. *You can't do anything*. Itu pertama.

Kedua, kita sedar bahawa Langkawi *is a very important destination*, betul. Orang kenapa pergi Perlis, *45 minutes, 50 minutes* sampai Langkawi. Pergi Kedah, *one and a half or two hours*. Itu yang menyebabkan orang pergi Perlis, tidak pergi. So, *I* pergi Langkawi, pergi ke sana. Saya dulu setiap kali dipanggil Menteri Besar, *stuck ferry*, kenapa? So, *study at that time*, saya ada peluanglah masa itu tengok. Kajian itu – banyak kajian yang telah dibuat. Saya rasa tak silap, 2016 *there is another* kajian juga, *same thing*. *Conclusion* ialah *site* ini terdedah kepada pemendapan. *That's one*.

Kedua, apabila disebut cadangan membuat ban, kekhuatiran saya. Kita dah *disturb* ia punya *characteristics* untuk *hydraulic*. *When you do that*, ia tetap lagi ada kekangan. Ia tak boleh selesai masalah itu. So, dari segi *sedimentation* dikurangkan tetapi tetap ada sebab ia punya kedudukannya dekat situ.

So, pilihan kita apa? Tadi kata apa? Ban, pertama. Kedua, *fleet*. Saya sebenarnya, saya rasa *maintenance* yang kerap perlu ada, kerana kalau kita tak gerakkan dua – ada dua cara. *First* ialah kerajaan membeli *fleet* seperti mana yang saya katakan. Ada caranya. *Actually*, Kementerian Ekonomi tak payah bimbang sebab kita kutip caj, Lembaga Dius Api dan *amount is very huge* sebab untuk keselamatan *navigational*. Ini tak ada masalah sebab Selat Melaka itu memang kerap kita ada kutipan banyak.

Tapi ia boleh diguna sama, boleh digunakan untuk tujuan ini dengan bantuan daripada kerajaan dan juga sokongan daripada kerajaan, kita wujudkan *fleet*. Tetapi *just be careful*, bila ada *fleet, the type of dredger* *you* ada, besar, kecil, esok, *you*

memang akan jadi masalah huru-hara apabila *you maintain the whole fleet* sebab semua tempat adalah berlainan. Yang saya kawatir kena buat satu analisa sama ada kita *maintain fleet* lebih *economical* ataupun kita buat cara *periodical maintenance*.

Dua cara. Satu ialah melalui kontrak. Kedua, kita boleh buat satu cara juga, di mana *you have dredger*. Okay, *I give you the concession* tapi kerajaan kena masuk. Orang Langkawi, orang Kedah, orang Perlis, dia *nominal, that is it*. Orang lain, *you have to pay everytime you come here, you pay for dredging*. Macam airport, *you pay for the future development fee* dekat Changi, *runway* keenam. So, *you pay RM2, RM3*. So, *at least, that money for tourist, they don't have to worry, because is one dollar – less than one dollar to them*. Ini dengan cara ini, dikutip, ia boleh ini. Pada waktu yang sama, orang tempatan, *just nominal*. Kalau berapa ia bayar, tak boleh naik. *That is another way* bila kita tak *maintain fleet*. Saya rasa ini dua.

Ketiga, pernah ada kajian seperti kementerian sebut tadi iaitu kedudukan yang lebih strategik. Saya memang setuju apa yang YB-YB cakap itu. Dulu saya pernah santapan dengan Raja Perlis. Salah satu permintaannya ialah *don't shift* Kuala Perlis. So, kalau tak *shift*, *you* nak alih ke mana pun dia kata, kawasan itu demi kesejahteraan dan *livelihood of the people, you can't do anything*. *That is one*. Menteri Besar pun cakap jangan sentuh, *even if you can do another one*. *I think* ini akan jadi dilema kepada kementerian juga. *You maintain* ini, kena bayar duit. Situ kena cari duit untuk buat. *But, to* Langkawi kalau *you* tak ada satu jeti yang betul-betul – sekurang-kurangnya tak ada masalah sekat, tiba-tiba *stuck* dekat sini.

■1200

I think your tourism tak akan maju. Dan kawasan ini memang kawasan yang popular. Jadi, atas dasar ini, saya kata, mungkin kita kena tentukan daripada JPS punya *study*, daripada *study* sebelumnya. Sanglang, kawasan Sanglang itu, dia alih sedikit. Kawasan itu, dia tidak terdedah kepada mendapan yang lebih serius. Kawasan itu dari segi pengerukan, dia adalah minimum. So, mungkin dari segi pilihan tempat kali ini, sebagai penyelesaian jangka panjang untuk *survival* Langkawi juga, *I think, it's high time, you* kena buat sesuatu.

Balik kepada Kuala Kedah. Kuala Kedah pun saya pernah tengok masa dia buat *dredging*. Kuala Kedah, kalau banding dengan Kuala Perlis, Kuala Kedah lagi teruk. Pertama, dia punya masalah – *now, you have this RORO jetty, okay?* Sebelum masuk jeti ini, dia punya pengerukan pun sama juga masalah. Tetapi, dia punya *capacity handling* kurang daripada Perlis. *You* selesai ini, dua pertiga punya masalah belum selesai lagi. *This one*.

Kedua, RORO. Saya ingat tahun 2006 – 2017, 2018 pun punya peruntukan dia, *RM209 million* ya, masa itu. Sampai 2020 pun, masa itu dipanggil tender pun, *RM209 million*, dia dah tahu, dia *overshoot*. Tak boleh selesai juga. *Now*, dia bagi *RM243 million*, and masalah yang sama juga. Sebab inflasi kos.

So, I think projek ini kena jalan. *If you just go back to the same procedure for the last three years*, kali ini saya jangkakan kalau tak ubah, dua tahun lagilah. Sebab, dia kena tunggu. Takut itu sahaja. Sebab, saya rasa *RORO's jetty* ini dah lama. Bayangkan, dah tujuh tahun. Masa setiap kali, tak cukup. *So*, dia kena *bid* balik. *Bid*, kena tambah lagi, tak dapat, batal. *And re-tender* semula. Kalau tak cukup, *you have to go for the re-tender*.

So, saya rasa kali ini kena cari satu kaedah di luar kotak. *RM243 million*, kalau tak boleh, *maybe RM270 million*. Kalau *you* ikut LPP, *you* tak boleh dapat sebab *you* punya kos sudah *overshoot*. *You* tak boleh *recommend*. Kalau *you* ikut prosedur tatacara kewangan, *you* tak boleh lepas. *You* pun tak ikut prosedur LPP. *So*, macam mana?

Mesti ada satu keputusan dari atasan. *Solve it*. Kalau tidak, saya takut 2020, 2021, 2023 sama juga tiga tahun. Tak selesai juga. *So*, saya rasa – mungkin saya boleh membantu. Jawatankuasa ini mungkin kita boleh minta kerajaan, jangan tangguhkan projek ini. Yang *shortfall* ini, *you* tak boleh – dia tak akan kurang lagi. Dia punya inflasi kosnya itu tak boleh kurang sebab *spec* sudah ada dan sudah dua, tiga kali – saya ingat, Dato' Jana, *I think more than four, five times* tender projek ini batal, batal. Tak boleh selesai. *So, I think...*

Tuan Pengerusi: *This one is* Kuala Kedah, ya?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kuala Kedah. Banyak kali dah. Sebelum itu, dia bincang nak. Kemudian, kerajaan negeri ambil. Kemudian, tak boleh. Kemudian, *open tender* balik. Semua tak lepas. Kemudian, yang lepas pun kos dia tinggi. Itu isu dia.

So, saya rasa dah melalui proses tender terbuka dan itu hakikat yang terpaksa kita berdepan. Saya rasa dengan cara ini, kita patutlah mengambil satu tindakan yang luar daripada normal. Saya sokong. Kalau benda ini – *you have to do that*.

Kedua, yang pengerukan. Pengerukan, *you have to find a solution*. Satu, wujudkan *fleet* ataupun *you have to get somebody to do the job*. Kalau tidak, terpaksa setiap dua, tiga tahun, *you* kena minta peruntukan *RM30 million for each site. RM60 million*. Belum ambil kira inflasi lagi itu. *So, this will be a long term investment* dan sepanjang masa, selagi *site* itu dekat situ, kita tak boleh selesai masalah. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih, YB Ayer Hitam. Ada lagi nak *this one*? Sebab saya pun ada nak...

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri. *I think* kami akan usahakan sehingga bulan Disember ini. Sekiranya peruntukan diluluskan, maka kita akan angkat – *[Tidak jelas] ...with EPU* ya. Kalau Kementerian Ekonomi meluluskan yang RM25 juta tadi, *then we have solved the problem. Because it's all about – it's just funding is not enough.* SHC boleh keluar hari ini pun, kalau EPU memberikan kebenaran.

Kalau tidak, saya rasa kita akan usulkan supaya RM25 juta ini kita ambil daripada LDA. Akaun LDA ini, kita tampung bagi projek tersebut dan kita akan juga keluarkan sebelum Disember ini, YB. Kita akan usahakan dengan kelulusan-kelulusan daripada Kementerian Ekonomi dan juga Menteri Pengangkutan sendiri.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada lagi? Tak ada? Saya nak *this one* sebab kita ada isu lain lagi.

Kita bincang pasal pengerukan ini. Okey. Saya menyambung apa yang disebutkan oleh Ayer Hitam tadi. Okey, kita lihat kepada Jeti Kuala Kedah dulu. Projek yang dicadangkan sekarang berjumlah berapa? RM243 jutalah.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Campur?

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Untuk?

Tuan Mohd Aidi bin Mohd Hussin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Jana Santhiran Muniayan: 268 lah.

Tuan Pengerusi: 268 lah. Okey. *Alright*, tak apa. Saya melihat daripada cadangan ini dengan yang ini, memang asal dia, saya lihat memanglah Jeti Kuala Kedah ini mengalami masalah pemendapan sebab dia seolah-olah terlindung di belakang RORO. Kita tahu daripada aliran sungai dan sebagainya, dia akan macam lagunlah. Dia macam *create a small lagoon* dekat sana. Sebab itu, *you all* ada masalah pemendapan.

So, dalam cadangan baru, dalam *plan* baru ini, saya lihatlah, kalau saya tak silap, ini macam jeti baharu, ya? *Is this the new jetty?* Betul? Kedudukan dia lebih ke dalam lagi, *kan?* Dia macam *flush* dengan jeti RORO, *kan?* *Correct*, tak? Jadi, dengan di situ nanti, apabila kita melihat... *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* *You* tengok perjalanan mendapan dia akan *bypass*-lah. Dia akan *bypass*

kepada jeti itu. So, dia tak akan lagi memendap di depan jeti yang sedia ada sekarang. So, *that is a solution*. Sebenarnya, itu a *solution*.

Saya nak bagi tahu jugalah. Saya memang, kalau dari segi kerja-kerja pengorekan ini, memang bidang sayalah.

[Perbincangan secara tanpa rekod]

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh. So, projek Kuala Kedah ini, saya rasa mungkin telah dibuat kajian dan sebagainya oleh pihak Jabatan Laut ataupun JPS. Saya rasa ini projek boleh berdaya maju. Sebab, saya percaya dengan memindah jeti itu ke tengah sedikit, *you* akan mengurangkan pengorekan dan dia *flush* dengan jeti RORO dan pemendapan akan *bypass the area*. So, akan mengurangkan pemendapan di masa hadapan. So, *I think this is a good solution to the problem*. Ini di Jeti Kuala Kedah.

Kalau diberi kelulusan oleh Kementerian Ekonomi, saya cadangkan *you proceed* terus dengan jeti ini, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi. Okey? So, *we solve* satu *problem* – Jeti Kuala Kedah.

Now, we go back to...

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut]: Tuan Pengerusi, saya nak *echo* apa yang Pengerusi cakap tadi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: Kalau Pengerusi kata *based on your experience* dan apa yang Datuk Seri pun cakap tadi, apa tugas kita yang kita boleh bantu dari sudut jawatankuasa kita ini untuk kementerian dapat bajet dan dipercepatkan bajet? *Why not* kita – boleh tak kita buat kenyataankah ataupun kita hantar memo kepada Menteri Kewangan? *“Ini daripada jawatankuasa, setelah mendengar daripada maklum balas...”*

Tuan Pengerusi: Betul. Pengesyoran, pengesyoran.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: Ke MOF, kepada kewangan.

Tuan Pengerusi: Betul, yes.

Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin: Kalau kita boleh buat minitkan, kita buat satu surat untuk kita rayu supaya dipercepatkan bajet ini, diturunkan untuk selesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi: Sebab itulah kita bincang di sini. Saya percaya berkaitan dengan *feedback* dan juga penerangan daripada pihak MOT, mungkin kita boleh sokong dan kita juga mengesyorkan bahawa projek Jeti Kuala Kedah ini perlu

diteruskan sebab dia akan menyelesaikan masalah berterusan pengorekan di jeti tersebut.

So, memang sudah diluluskan. Lagipun, sudah diluluskan dahulu, *kan?* Bila? Tahun berapa?

Seorang Ahli: RMKe-12.

Tuan Pengerusi: 2017 dah. Dah lama dah ini. So, sepatutnya diteruskan projek ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Enam tahun dah.

Tuan Pengerusi: Enam tahun dah *delay, kan?* Ini *high time*, projek ini diteruskan. So, *this is something* yang kita boleh sokong, kita boleh syorkan.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Betul, Yang Berhormat Pengerusi. *Just* tambahan saja nak bagi – tak nak menyalahkan Kementerian Ekonomi, sebab benda itu pun belum keluar daripada Kementerian Pengangkutan. Dalam tempoh sehari dua ini baru...

Tuan Pengerusi: Oh, *I see, I see*. Tak apa, tak apa.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Sebab, dia orang nak *details*. Dia orang nak *details* itu. Dia nak *details* daripada konsultan. Maka, sedang disediakan dan kami dalam minggu ini, kita akan keluarkan.

Tuan Pengerusi: *All right, all right*. Okey. Kita tak menyalahkan mana-mana. Kita mengesyorkan kepada Kementerian Ekonomi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kita nak bantu sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Kita nak bantu sebenarnya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Untuk jawatankuasa ini, kita boleh minta supaya – kita melihat ianya saban hari merugikan Malaysia. Sebab, Langkawi tak boleh pergi. Satu pelancongan pun tak boleh bangun.

Tuan Pengerusi: Banyak, banyak.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: *So, we need a solution. At least*, boleh sampai ke Langkawi ulang-alik.

Tuan Pengerusi: *Direct or indirect*-lah. Langsung atau tak langsung.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: *That, I think*, mungkin – itu mungkin dari segi *urgency*. Anggap kecemasanlah. RM25 juta pun, *at least* menampung projek ini. Dia tak jalan, itu masalah tetap lagi berjalan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Terima kasih atas penjelasan juga daripada pihak MOT. Okey. Yang itu kita akan buat, mungkin pengesyoran ataupun kenyataanlah kepada kementerian ataupun yang berkaitanlah – ekonomi dan sebagainya, kita menyokong. Setelah MOT majukan kepada *this one*-lah.

Kita tak nak *advance*-lah. *You* majukan dahulu, baru kita sokong. Kalau *you* tak majukan, kita tak boleh sokong. *All right, ya?*

■1210

Okey, kita balik kepada Jeti Kuala Perlis. *Please go back to the jetty*. Gambar Google ya. Gambar slaid juga. Okey, kita lihat ini adalah kajian daripada JPS, betul? JPS di bahagian kiraan pantai dia buat kajian ini, saya percaya. Saya pun terlibat, *very close* dengan bahagian penilaian pantai.

Okey, sama juga dengan masalah – sedikit masalah tadi, memang betul. Jeti LKIM – bukan kita nak menyalahkan jeti LKIM. Jeti LKIM itu dibina kemudian *kan* selepas jeti feri *kan?* Okey. Saya pernah datang ke jeti ini, saya tahu. Okey, jeti LKIM dibina kemudian. Apabila ada satu *intrusion into the river and behind, immediately downstream you* akan ada masalah; masalah *sedimentation* akan *accumulate* di situ. Jadi sebab itulah pemendapan berterusan terjadi di Jeti Kuala Perlis disebabkan ada macam lagun di situ. Kalau kita lihat pusaran air akan masuk ke dalam, pusaran air akan masuk membawa selut dan apabila dia *slow down*, dia akan *settle*. *So that is the* peneranganlah berkenaan dengan apa itu. Masalah, masalah sampah-sampah lain itu, itu masalah lain.

Tapi sebenarnya yang seperti yang disebutkan oleh Dato' tadi berkenaan dengan *sedimentation* daripada hulu sungai itu, memang betul. Memang *sedimentation* itu disebabkan aktiviti pertanian dan sebagainya, datang daripada hulu sungai. *So* dia akan datang kepada muara sungai dan disebabkan pusaran air, air pasang air surut bertukar ganti. *So* dia akan berpusar dalam lagun itu, dia akan *settle* di situ dan menyebabkan pemendapan di kawasan hadapan jeti di Kuala Perlis.

So, kita kena buat sesuatulah dan saya percaya apa yang dicadangkan oleh pihak JPS berkenaan dengan ini sebab *you* akan – apabila *you* buat cadangan begini, saya percaya JPS ini telah buat *modelling* dan sebagainya. Dia buat *numerical modelling* dan sebagainya. Saya percaya mereka dah buat semua.

Dengan mengadakan struktur seperti ban ya, sama ada struktur ban ataupun struktur sebagai *sheet pile* pun, kalau dia nak menjimatkan kos pun boleh juga. Air mendapan tak akan masuk ke dalam. Tak semualah. Mungkin sebahagian sahaja akan masuk ke dalam kawasan Jeti Kuala Perlis. Jadi mendapan itu tak masuk ke dalam, dia akan *bypass*. Bila kita tengok ya, garisan ban di hadapan itu, dia *flush* dengan jeti LKIM. *So* kita akan melihat di situ nanti dia akan *flush*, dia akan *bypass*. Dia akan *bypass*, dia tak akan masuk ke dalam lagun itu lagi, satu. Tapi mungkin ada sedikit yang akan berpusar masuk ke dalam.

So, apabila struktur ini dibina, struktur yang dicadangkan oleh JPS ini dibina, dia akan mengurangkan secara banyak kadar mendapan di kawasan hadapan Jeti Kuala Perlis. Ada sedikit yang akan masuk tapi tak banyak. Jadi, kadar pengorekan akan berkurang dengan ketara. Tetapi kos untuk menyediakan struktur ini memakan belanja berapa? RM170 juta. So ini adalah kos yang perlu diambil kira.

Pilihan – dan satu lagi pilihan yang mewujudkan *fleet* ini *kan* dan juga dengan RM100 juta. So, apabila kita ada *fleet* ini bagi sayalah sebagai *this one*, pengerusi, saya rasa, *you have to continuously maintain the fleet* dan sebagainya dan kos-kos *dredging* ini, *maintenance fleet* ini dan juga bukan setakat bila dah korek itu tak boleh buang *kat* situ. *You* kena hantar dia jauh ke tengah laut. Kalau buang air berdekatan, dia akan datang balik. *So this is something yang you have to take into account.*

Bukan setakat *you buy the fleet*, *you* nak – *dredger* tak cukup. Bukan setakat *dredger* sahaja, *barge* pun kena juga. [Disampuk] Dan banyak-banyak *equipment* dia. Dia bukan setakat satu *dredger* sahaja. Kalau *you* nak pakai *suction dredger*, *you* kena hantar paip yang panjang untuk *reclaim some area* ataupun nak *pump* air itu. Katalah *you* nak pakai *hopper dredger* tak boleh sebab dia terlampau cetek. *You* kena pakai *barge dredger*, masuk ke dalam tongkang dan dua tiga kali *handling*, hantar ke laut, tarik ke laut lagi, banyak kos. *It is a lot of – this one.* Itu kalau dia dalam keadaan baru. Kalau dia dalam keadaan *secondhand*, *maintenance cost will be very expensive.*

Okey, so, saya cadangkan, ini kalau dipersetujui, cadangkan ikut apa yang dicadangkan oleh JPS. Struktur yang telah dicadangkan begini dengan – apabila kita melihat daripada pelan di atas itu, dia buat ban bukan hanya di sebelah selatan ataupun di sebelah selatan sungai, sebelah utara *embankment* sungai pun dibuat. Sebab tujuan dia membuat ban itu di seberang sungai itu adalah untuk melancarkan aliran sungai ya, bila kita lihat itu.

Sekarang ini apabila kita *Google*, memang teruklah kawasan itu. Pemendapan juga terjadi di kawasan seberang daripada sungai itu. So apabila kita *extend* ban itu ke hulu sedikit ataupun ke hulu sedikit daripada jeti LKIM, dia akan melancarkan perjalanan sungai itu. Apabila jalan lancar, pemendapan tak akan terjadi. *That is basically the theory, hydraulic-lah kan.* Kalau air licin, pemendapan tak jadi. Air *stop*, pemendapan terjadi. *Simple as that.* So sebab itu ada ban di seberang sungai dan juga ada ban tambahan yang melindungi lagun. Jadi, saya percaya pihak kementerian harus melihat dengan lebih teliti cadangan yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai opsyen pertama.

Kedua itu, apabila struktur ini telah dibina, pihak kementerian saya cadangkan supaya melihat kepada kadar pemendapan terjadi di kawasan Jeti Kuala

Perlis dan saya percaya kadar pemendapan akan banyak berkurangan dan harus mengambil kira semula sama ada hendak membeli *fleet* ataupun – *fleet* kapal korek bagi Jabatan Laut Malaysia. Mungkin tak perlu. Kemungkinan tak perlu sebab kita telah dapat menyelesaikan secara drastiklah kekerapan pengorekan di Jeti Kuala Perlis setelah dibina struktur. Kalau tak dibina, masalah akan berlanjutan. Dan apabila... [Disampuk]. Itulah.

So saya rasa inilah yang kita cadangkanlah. Kalau nak pergi kepada cadangan ketiga tadi, nak membina lokasi baru itu saya rasa itu mungkin cadangan yang – sebab apa, kerajaan negeri mengehendaki supaya jeti sedia ada dikekalkan. Mungkin adalah satu kos yang mungkin agak mahallah bagi pihak kementerian.

So saya percaya untuk Kuala Perlis, cadangan yang dibuat oleh JPS melalui kajian terperinci yang telah dibuat dan *modelling* – *normally* dia buat *modelling*, *numerical modelling*. Dia buat *numerical modelling* menggunakan MIKE21. *Numerical modelling* menggunakan MIKE21. Saya percaya mereka telah buat *numerical modelling* dan mereka telah membuat kajian bahawa pemendapan akan berkurangan di kawasan tersebut.

So saya percaya, ambil maklum ini sebagai cadangan opsyen nombor satu dan kedua itu melihat semula kepada opsyen untuk membeli *fleet* kapal korek bagi Jabatan Laut Malaysia. Okey, itu yang saya rumuskanlah daripada taklimat yang dibuat tadi. Kalau ada soalan, saya...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Pengerusi, sedikit sahaja. Saya tertarik dengan yang inisiatif swasta. Sebenarnya yang saya sedar bahawa Mutiara Perlis, dia dah diberi kelulusan untuk *Sanglang Integrated Terminal*. Sekiranya dia nak gunakan itu sebagai satu tempat untuk menghubungkan kalau *it is private initiative*, terus ke Langkawi, *why not* kalau sudah diberi kelulusan. *But* apa yang ada, kita kekalkan. Baik, kalau ada inisiatif baru di mana kawasan itu jauh lebih sesuai untuk dihantar. Ini perlu untuk jangka panjang. *We need safety net*. Kalau tidak, dua-dua kalau *stuck*, sekurang-kurangnya satu yang memang dia tak akan sangkut. Saya rasa mungkin yang itu boleh tengok balik. Terima kasih.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] *Sanglang Integrated Jetty* kalau ikut cadangan dia, dia hanya *provide RORO services*. Dia tak ada jeti penumpang. Itu saya setuju. Fasal benda ini *private initiative*. Kalau dia boleh *construct* ataupun dia boleh *spare some of the space* yang ada dekat situ untuk dijadikan terminal feri, *then it should be okay*. *At least* ada opsyen. Yang dekat situ *is privately operated*...

Tuan Pengerusi: *Privately*, betul.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: ...di bawah JLM kan?

Tuan Pengerusi: Yalah.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Jadi, *people* ada *choice*-lah.

Tuan Pengerusi: *Correct*.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: Sanglang pun kita tak payah nak melabur duit fasal *it is private*...

Tuan Pengerusi: Kalau ada inisiatif daripada pihak swasta di Sanglang, *even better*. Jadi, akan mengurangkan kos kepada pihak kerajaanlah untuk mewujudkan satu terminal baru di Sanglang. Inisiatif swasta digalakkanlah di Sanglang.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]... Saya akan berhubung dengan pihak syarikat... [*Tidak jelas*]...

Tuan Pengerusi: *All right*.

Tuan Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ... Sebelum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang kebersihan dan sebagainya, Saya *take note*, YB. Selepas saya akan buat perbincangan dengan pengusaha-pengusaha feri dan saya juga tertarik dengan cadangan mungkin kementerian boleh meneliti tentang *first class* dengan *second class* dan *economy class*. Mungkin untuk yang *first class* dan *economy class*, [*Tidak jelas*] ...kita mungkin tak *ready* pun nak... [*Tidak jelas*] *Let the market determine*. Kita kat sini mungkin pengusaha boleh *cross subsidise* kalau dia ada ekonomi punya ferilah. Saya agak tertariklah. *Insya-Allah* saya akan buat...

■1220

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tapi, *just be careful*. Kalau *first class* – sebab, *rate* untuk *foreigner* dengan *local*, dia berlainan. Okey. Bila *you* kata *open*, nanti orang kata kita dah hanya jual kepada penumpang pelancong asing,... [*Tidak jelas*], “*Eh, I just go first class.*” Tak boleh. Itu saya rasa *fee structure*, kita tengok balik. *You open, local* apa, dan itu berapa. *I think* kita kena tengok dari situ.

Tuan Pengerusi: Cadangan yang baik. Cuma, *fee structure* itu kena kajilah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Cadangan lain ataupun teguran lain ataupun makluman lain daripada pihak YB Langkawi tadi berkenaan dengan kebersihan feri, kesesakan, bagasi dan sebagainya, saya rasa itulah benda-benda yang boleh diambil maklum. Itu cadangan dan mungkin – dia timbulkan masalah, kita kena ambil cadangan dan mungkin buat teguran kepada pihak operator dan sebagainya.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: Yang Berhormat Pengerusi, kami sebenarnya telah pun mengadakan perbincangan dengan – Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri telah mengadakan perundingan dengan pihak operator. *Ferry operators.*

Cuma, bagi menambah baik kemudahan yang sedia ada, termasuk feri baru dan sebagainya, telah dibangkitkan. Cuma, usul daripada pihak operator adalah dua perkara. Satu, dia minta supaya kalau nak dikurangkan kadar tadi, dia minta subsidi diesel. Perkara itu sebenarnya kami telah bawa ke Kementerian Kewangan, dan secara dasarnya telah dipersetujui. Cuma, makluman daripada pihak Kementerian Kewangan adalah mereka tak boleh bagi secara *bulk*. *The individual operators have to apply* dan ada pihak daripada pihak konsortium tadi yang telah diberikan subsidi oleh pihak kerajaan. Tapi, nak bagi secara sekali gus kepada konsortium, pihak Kementerian Kewangan kurang bersetuju.

Jadi, secara *individually, they are already in discussion* dan telah pun mendapat kelulusan. Malah ada syarikat yang telah mendapat – saya tak ingat nama syarikat tapi ada yang telah mendapat subsidi untuk diesel. Janji mereka, kalau subsidi diberikan, feri tadi akan dinaik taraf. Itu akan kita bangkitkan semula dengan pihak pengusaha.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tapi, di Malaysia hanya *ferry services in Langkawi* yang di-*regulated*. Yang lain, dia boleh buat secara berasingan. So, itu pun hairan. Saya pun tak boleh jawab sebab dibawa oleh NACCOL. Dia kena melalui NACCOL, sama ada kenaikan tambang itu dibenarkan atau tidak. *That is the only terminal*. Mungkin dulu Tun Mahathir *kut*. Lepas itu, tidak ada terminal lain yang kita perlu *regulate*. Kita tak boleh kata, “*You boleh, you tak boleh*”.

Dekat Langkawi, memang satu perkara yang – dululah. Nak naik, dia tak bagi. Sebab itu dia tak nak – feri tak mahu jalan. *So, we can't do anything*. Lepas itu kita terpaksa cari satu kaedah.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah: Itu, Yang Berhormat Pengerusi, yang saya cadangkan supaya di-*regulated* balik perkara itu. Kemudian satu lagi, kita kalau boleh kita jangan *encourage* konsortium ini. Konsortium ini *monopolises*. Jadi, saya tengok banyak cerita-ceritalah di belakang tabir ini, soal konsortium ini pun. Jadi, ada konsortium yang baik, ada konsortium yang tidak baik. Tapi dikategorikan tidak baiklah.

Yang Berhormat, saya nak kena *attend...*

Tuan Pengerusi: Okey, tidak apa. Terima kasih, YB.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menjemput saya dan, *insya-Allah*, saya minta kalau boleh dipercepatkanlah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah: 2017 sampai sekarang ini. Saya tengok orang Langkawi pun tak boleh tahan dah. Saya minta tolong kepada Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih. *Your decision just now very helpful. Thank you very much.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sama-sama.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah: Juga kepada semua pegawai, KSU dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Lagi ada siapa nak tambah? Berkenaan pengorekanlah. Kita dah sampai – dan juga isu-isu yang lain. *Take note*-lah isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Memanglah bukan sahaja pengorekan; ada isu *services*, perkhidmatan, kebersihan, keselamatan, bagasi dan sebagainya. Itu adalah isu-isu kecil tetapi saya percaya dapat diselesaikan. Cuma penambahbaikan dan kena berbincang dengan operator. Tapi, yang utama itu pengorekan. Kalau kapal tak datang, semua tak boleh pakai. So, yang penting itu, feri itu kena sampai dan pengorekan kena selesaikan supaya dia tak berulang dan kos yang terlampau besar untuk kementerian.

Okey, ya? So, yang Kuala Perlis ini, dah *design*-kah belum? Eh, *sorry*. Yang ini. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Dah tenderkah? Tak ada peruntukan? Belum ada lagi? Kuala Perlis belum? Kuala Kedah ada. So, *high time to get* peruntukan untuk Kuala Perlis jugalah. Kuala Perlis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Oh, itu lama. *They can bid now.* Ia tak mudah.

Tuan Pengerusi: Itulah. *High time to start*-lah. Sebab, benda ini yang telah dibuat kajian. *I believe it works*-lah daripada *this one*.

Dato' Jana Santhiran Muniayan: *Wait for the budget.*

Tuan Pengerusi: *Yes, please.* YB Kangar ada. *Fight*-lah, YB Kangar. *It is a high time for you to mention* dalam *this one*. Masa kementerian nanti, MOT nanti, masa butiran nanti, masa jawatankuasa nanti, maklumlah.

Tuan Zakri bin Hassan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pengerusi kena *support*.

Tuan Pengerusi: Boleh, kalau saya ada dalam Dewan. *[Ketawa]* Kalau saya tak ada dalam Dewan masa itu, tak dapat nak *support*. Okey, tak apa. *Insya-Allah*, ada. Kita akan tolong samalah. Okey, terima kasih ya.

I think kalau tak ada apa-apa lagi, kita ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang datang, yang dijemput khas untuk mesyuarat kali ini. Kepada pihak kementerian, Dato' Jana, terima kasih banyak-banyak di atas penjelasan. *It is the best. Very good.*

Seorang Ahli: Terima kasih, semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.25 tengah hari]
